# Z-Driver Takaful
## Penambahbaikan Sijil Kereta Persendirian

ZURICH Takaful

## ***NOTA PENERANGAN***

### *Cara membaca dokumen ini*

*Sila ambil perhatian bahawa **Sijil Kereta** Persendirian **Anda** hanya bermula dari halaman 5 dan seterusnya. Bagi membantu **Anda** membaca dan memahami **Sijil Anda** dengan lebih mudah, **Kami** menyediakan beberapa nota penerangan bersama-sama dengan ulasan dan contoh yang ditulis dalam huruf condong (italic). Nota penerangan ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada **Sijil** dan tidak boleh digunakan bagi mentakrif kontrak takaful **Anda** jika berlaku apa-apa pertikaian.*

### *Perkataan dalam huruf tebal*

***Anda** boleh perhatikan bahawa terdapat beberapa perkataan dalam **Sijil** ini dicetak dalam **huruf tebal**. Ini adalah kerana perkataan-perkataan tersebut diberikan makna yang khusus dalam **Sijil Kereta** Persendirian **Anda** ini. Sila rujuk Seksyen F pada halaman 15 hingga 17 bagi makna perkataan-perkataan tersebut.*

### *Apakah yang dikira sebagai kontrak takaful Anda?*

***Kontrak** takaful **Anda** dengan **Kami** merangkumi:*
- ***Sijil** takaful pada halaman 5 hingga 27 (kecuali teks dalam huruf condong);*
- *apa-apa maklumat yang **Anda** telah beritahu **Kami** semasa memohon takaful ini;*
- ***Jadual**;*
- ***Endorsmen** yang dilampirkan pada **Sijil**; dan*
- ***Sijil Takaful**.*

*Kesemuanya hendaklah dibaca bersekali kerana ia merupakan kontrak takaful **Anda.***

### *Tanggungjawab Anda memberitahu Kami*

#### *A. Kontrak Takaful Pengguna*

*Jika takaful yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak takaful **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah remedi dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.*

***Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.*

#### *B. Kontrak Takaful Komersial*

*Jika takaful yang **Anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak takaful **Anda**.*

***Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.*

*Berikut adalah contoh-contoh tindakan yang boleh **Kami** ambil terhadap **Anda** jika **Anda** memberi pernyataan salah tentang mana-mana fakta kepada **Kami** sebelum **Sijil** berkuat kuasa:*
- *isytiharkan **Sijil Anda** sebagai terbatal dari mula lagi (iaitu **Sijil** dianggap tidak sah), dan **Kami** boleh tidak pulangkan apa-apa caruman;*
- *batalkan **Sijil** tersebut dan pulangkan caruman setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut caruman yang belum dibayar;*
- *singkir satu atau lebih **Pemandu Dinamakan** dari **Sijil Anda** dan selaraskan caruman **Anda**;*
- *tuntut semula apa-apa kekurangan caruman yang tidak dikenakan;*
- *tolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah **Sijil**; atau*
- *berhak menuntut kembali dari jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah **Sijil** atau mana-mana tuntutan yang terpaksa **Kami** bayar kerana undang-undang jalanraya termasuk kos membuat tuntutan.*

## *Apa yang dilindungi?*

***Anda*** *tidak melindungi segala perkara yang mungkin akan berlaku terhadap* ***Kereta Anda****. Sila semak* ***Jadual Sijil*** *yang telah* ***Kami*** *berikan kepada* ***Anda*** *untuk mengetahui skop perlindungan yang* ***Anda*** *telah perolehi. Jenis perlindungan utama terdiri daripada:*

| Halaman | Perlindungan Asas | Komprehensif | Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian |
|---|---|---|---|
| **6 ke 7** | ***Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri*** | | |
| **6** | *1a. Apa yang Dilindungi (di bawah seksyen ini)* | | |
| | *(i) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan* | ✓ | X |
| | *(ii) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal* | ✓ | X |
| | *(iii) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh* | ✓ | X |
| | *(iv) rosak akibat dihempap objek jatuh tertakluk kepada pengecualian tertentu* | ✓ | X |
| | *(v) kebakaran, letupan atau disambar kilat* | ✓ | ✓ |
| | *(vi) pecah cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan/mewarna.* | ✓ | X |
| | *(vii) pecah masuk, pecah rumah, atau kecurian* | ✓ | ✓ |
| | *(viii) perbuatan niat jahat* | ✓ | X |
| | *(ix) semasa dalam transit (perlindungan terhad)* | ✓ | X |
| **6** | *1b. Apa yang Tidak Dilindungi (di bawah seksyen ini)* | ✓ | ✓ |
| **7 ke 8** | *2. Asas Penyelesaian (bagaimana* ***Kami*** *menyelesaikan tuntutan* ***Anda****)* | ✓ | ✓ |
| **8** | *3. Kos Menunda (ke bengkel pembaik* ***Kereta*** *atau ke tempat yang selamat)* | ✓ | ✓ |
| **8 ke 9** | ***Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga*** | | |
| **8** | *1a. Apa yang Dilindungi (di bawah seksyen ini)* | ✓ | ✓ |
| **8 ke 9** | *b. Apa yang Tidak Dilindungi (di bawah seksyen ini)* | ✓ | ✓ |
| **8** | *2. Had Liabiliti* ***Kami*** *(bayaran maksimum* ***Kami****)* | ✓ | ✓ |
| **8** | *3. Perlindungan untuk Wakil Sah (jika* ***Anda*** *meninggal)* | ✓ | ✓ |
| **9** | *4. Kos Guaman Maksimum (jika diluluskan)* | ✓ | ✓ |
| **9** | *5. Hak Tuntut Balik* | ✓ | ✓ |
| **9 ke 10** | ***Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan*** | ✓ | ✓ |
| **10 ke 11** | ***Seksyen D: Pengecualian Am (apa-apa yang tidak dilindungi oleh Sijil)*** | ✓ | ✓ |
| **12 ke 14** | ***Seksyen E: Syarat (terma-terma yang Anda mesti patuhi)*** | ✓ | ✓ |
| **15 ke 17** | ***Seksyen F: Takrif (menerangkan perkataan dalam huruf tebal)*** | ✓ | ✓ |
| **17 ke 27** | ***Seksyen G: Endorsmen (terma tambahan yang akan Kami kenakan atau perlindungan tambahan jika Anda telah membayar caruman tambahan)*** | *Pilihan* | *Pilihan* |

*Key: ✓= diguna pakai X = tidak diguna pakai*

## *Apa yang tidak dilindungi oleh Sijil ini?*

*Terdapat tiga seksyen dalam* ***Sijil Anda*** *di mana dinyatakan apa yang tidak dilindungi. Seksyen-seksyen ini dirujuk sebagai 'Pengecualian' dan terdiri dari:*

- *Seksyen A1b – lihat '****Kejadian*** *yang* ***Kami*** *Tidak Lindungi' (halaman 6): berkaitan dengan* ***Sijil*** *Komprehensif sahaja.*
- *Seksyen B1b – lihat 'Apa yang Tidak Dilindungi' (halaman 8 hingga 9): berkaitan dengan* ***Sijil*** *Komprehensif dan Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian.*
- *Seksyen D – lihat 'Pengecualian Am' (halaman 10 hingga 11): berkaitan dengan* ***Sijil*** *Komprehensif dan Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian.*

*Pada umumnya terdapat tiga sebab mengapa* ***Kami*** *mengenakan pengecualian ini di dalam* ***Sijil*** *asas* ***Kereta*** *Persendirian* ***Anda****:*

1. *Perlindungan tidak diberikan untuk pengecualian ini.* ***Kami*** *terpaksa mengenakan caruman tambahan jika mana-mana pengecualian tersebut mahu dilindungi. Di antara contoh* ***Kejadian*** *yang tidak dilindungi oleh* ***Sijil*** *asas ini tetapi boleh dilindungi jika* ***Anda*** *membayar caruman tambahan adalah:*
   - *banjir, ribut {lihat Seksyen A1b '****Kejadian*** *yang* ***Kami*** *Tidak Lindungi (halaman 6)};*
   - *mogok, rusuhan, kekacauan awam {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 8b' (halaman 11)}; dan*
   - *digunakan di luar Malaysia, Singapura atau Brunei {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 6' (halaman 10)}.*

2. *Terdapat risiko-risiko lain yang tidak dilindungi oleh **Sijil** asas **Kereta** Persendirian atau mana-mana tambahan kepada **Sijil** seperti itu. Jika **Anda** mahu perlindungan tambahan tersebut, **Kami** terpaksa mengeluarkan **Sijil** lain. Contohnya, yang berikut tidak dilindungi oleh **Sijil Kereta** Persendirian **Anda** tetapi ia boleh dilindungi oleh **Sijil** berbeza:*
   - *kenderaan membawa barang dagangan mestilah dilindungi oleh Sijil Kenderaan Komersial; dan*
   - *kenderaan yang mengutip sewa atau tambang mestilah dilindungi oleh sijil teksi atau kereta sewa.*

3. ***Kami** tidak akan dan tidak boleh melindungi risiko tertentu secara keseluruhan. Di antara contoh risiko seperti ini dapat dilihat dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am' (halaman 10 ke 11) contohnya:*
   - *perang, pembelahan nuklear atau pelakuran;*
   - *risiko yang bertentangan dengan polisi awam atau undang-undang;*
   - *memandu dalam keadaan mabuk.*

## *Bagaimana Kereta Anda boleh digunakan?*

*Memandangkan ini adalah **Sijil Kereta** Persendirian, **Sijil Anda** hanya melindungi **Anda** jika **Kereta Anda** digunakan untuk tujuan "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan pemegang **Sijil**." Ini dinyatakan dengan jelas di dalam **Sijil Takaful** di bawah tajuk "Had Penggunaan".*

*Berikut adalah beberapa contoh bagaimana **Kereta Anda** boleh digunakan:*
- *untuk melawat saudara-mara dan kawan, pergi membeli-belah dsb.; dan*
- *untuk urusan niaga terhad seperti pergi dan balik dari tempat kerja dan untuk berjumpa dengan para pelanggan.*

*Walau bagaimanapun, **Kami** tidak memberi perlindungan, contohnya, jika **Kereta Anda** digunakan dengan cara berikut:*
- *sebagai teksi atau bas persendirian dengan mengenakan tambang untuk membawa penumpang;*
- *sebagai **Kereta** sewa dengan mengenakan sewa untuk menggunakan **Kereta Anda;***
- *untuk mengangkut barang berkaitan sebarang perniagaan atau urus niaga selain membawa sampel barang. **Anda** mestilah membeli **Sijil** Kenderaan Komersial untuk tujuan kegunaan tersebut;*
- *untuk perniagaan kenderaan (contohnya digunakan untuk memandu uji dan dipamerkan di bilik pameran);*
- *untuk berlatih atau mengambil bahagian dalam sebarang perlumbaan, rali, perentak perlumbaan (pace-making), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan; dan*
- *digunakan di sebarang litar perlumbaan.*

## *Siapakah yang boleh memandu Kereta Anda?*

- *Hampir sesiapa sahaja boleh memandu **Kereta Anda** selagi pemandu itu:*
  - *mempunyai lesen yang sah bagi memandu kelas **Kereta** yang berkenaan dan tidak hilang kelayakan memandu dari segi undang- undang atau kerana sebab-sebab lain {lihat pengecualian tentang Pemandu Tidak Berlesen dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am 1' (halaman 10)};*
  - *mendapat kebenaran **Anda** untuk memandu (lihat takrif **Pemandu Dibenarkan** pada halaman 16); dan*
  - *mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini.*
- *Walaupun sesiapa yang mematuhi segala syarat tersebut di atas boleh memandu **Kereta Anda**, **Anda** mungkin perlu menanggung **Ekses** tambahan berdasarkan umur pemandu, jenis lesen yang dimiliki pemandu atau sama ada pemandu adalah bukan **Pemandu Dinamakan** (lihat halaman 4 untuk penjelasan lanjut tentang **Ekses**). Jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak layak memandu atau memungkiri mana-mana terma dan syarat, tuntutan **Anda** mungkin ditolak. Jika **Kami** terpaksa juga membayar, **Kami** boleh menuntut semula wang yang telah dibayar serta perbelanjaan yang ditanggung oleh **Kami** daripada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan**.*

## *Di wilayah manakah Kereta Anda dilindungi?*

*Takaful yang **Anda** telah perolehi ini hanya melindungi **Anda** di Malaysia, Singapura dan Brunei tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Di samping itu, sila ambil perhatian bahawa jika **Anda** berhajat untuk memandu **Kereta Anda** ke Singapura, **Anda** dikehendaki di bawah undang-undang Singapura untuk mempunyai Perlindungan Liabiliti Penumpang (PLP). Oleh kerana PLP tidak dilindungi oleh **Sijil** asas **Kereta** Persendirian maka **Anda** perlu membeli Endorsmen 100 (lihat halaman 20), yang menyediakan perlindungan terhad bagi liabiliti **Anda** terhadap kematian atau kecederaan tubuh badan penumpang.*

## *Bila perlindungan Anda berkuat kuasa?*

*Takaful ini mula berkuat kuasa dari waktu **Anda** membeli perlindungan atau pada waktu mula berkuat kuasa yang dipersetujui sehingga tarikh tamat. **Tempoh Perlindungan Takaful** akan dicetak di dalam **Jadual Sijil** dan dokumen berkaitan. Jika terdapat sebarang perubahan bagi tarikh-tarikh tersebut, ianya akan ditunjukkan dalam **Endorsmen** yang dikeluarkan oleh **Kami**.*

## *Berapakah nilai yang Anda patut lindungi Kereta Anda di bawah Sijil Komprehensif atau Sijil Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian?*

*Supaya lebih selesa, **Anda** perlu melindungi **Kereta Anda** mengikut **Nilai Pasaran** semasa (lihat takrif pada halaman 16). Dalam kata yang mudah, ini adalah kos semasa untuk menggantikan **Kereta Anda** dengan **Kereta** yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya. Amaun yang **Anda** pilih untuk melindungi **Kereta Anda** dikenali sebagai **Amaun Dilindungi** (**Sum Covered**). Sila ambil perhatian bahawa **Anda** boleh didenda jika **Kereta Anda** dilindungkan pada amaun yang kurang daripada **Nilai Pasaran** sebenar (lihat Bahagian A2e – 'Takaful Terkurang' pada halaman 7).*

*Contohnya, jika **Nilai Pasaran Kereta Anda** ialah RM100,000 tetapi **Anda** hanya melindungkannya pada nilai RM80,000, maka **Anda** boleh didenda kerana kekurangan **Amaun Dilindungi**. Andaikan kerugian yang ditaksir sebanyak **RM5,000**, **Kami** berhak tidak membayar jumlah sepenuhnya tetapi sebaliknya **Anda** perlu menanggung sebahagian daripada kerugian itu, mengikut kadar takaful terkurang seperti berikut:*

$$\frac{\textbf{Amaun Dilindungi}}{\textbf{Nilai Pasaran}} \times \text{Kerugian} = \frac{\text{RM80,000}}{\text{RM100,000}} \times \text{RM5,000} = \textbf{RM4,000}$$

*Oleh itu, **Kami** akan membayar **RM4,000** sementara baki **RM1,000 akan ditanggung oleh Anda sendiri.***

***Anda** hanya akan didenda seperti yang ditunjukkan di atas jika perbezaan di antara **Nilai Pasaran Kereta Anda** dengan **Amaun Dilindungi** melebihi 10%. Namun, adalah juga menjadi satu pembaziran jika takaful terlebih kerana syarikat takaful tidak akan membayar lebih dari **Nilai Pasaran**. Satu cara bagi mengatasi masalah takaful terkurang atau terlebih ialah dengan memilih **Amaun Dilindungi** yang ditentukan oleh **Sistem Penilaian Nilai Pasaran** yang diluluskan oleh Persatuan Takaful Am Malaysia (PIAM).*

## *Apakah Diskaun Tanpa Tuntutan (No Claim Discount – "NCD")?*

*Ini merupakan suatu ganjaran yang diberi dalam bentuk diskaun jika **Anda** tidak membuat tuntutan dalam **Tempoh Perlindungan Takaful** sebelum ini (dengan syarat tempoh takaful tersebut melebih setahun). Skala NCD yang digunakan dinyatakan secara khusus di dalam **Sijil** ini.*

***Anda** boleh menyemak NCD berkenaan dengan **Kami** atau melalui Pangkalan Data Pusat NCD (Central NCD Database ("CND")) di https://www.mycarinfo.com.my/ncdcheck/online sebelum membeli **Sijil Kereta** Persendirian **Anda**.*

## *Apakah Maksud Ekses?*

*Ini adalah amaun pertama yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang **Kami** luluskan, walaupun **Kejadian** itu bukan salah **Anda**. Sila ambil perhatian, walau bagaimanapun, **Ekses** tersebut tidak akan dikenakan jika kerugian atau kerosakan yang dialami adalah akibat kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga. Sila semak **Jadual Sijil Anda** untuk mengetahui amaun yang **Anda** kena tanggung. **Ekses** ini dirujuk sebagai **Endorsmen 1** atau **1(a)** di dalam **Sijil Anda**.*

*Sila ambil perhatian bahawa di samping itu, terdapat juga **Ekses** Wajib (lihat halaman 8) di mana **Anda** juga mungkin terpaksa menanggung **Ekses** tambahan sebanyak RM400 jika **Anda** atau orang yang memandu **Kereta Anda**:*

- *di bawah umur 21 tahun;*
- *pemegang lesen memandu sementara (P) atau percubaan (L); atau*
- *tidak dinamakan dalam **Jadual Sijil** sebagai **Pemandu Dinamakan**.*

*Contohnya, jika tuntutan yang harus **Kami** bayar sebanyak RM10,000 tetapi **Sijil Anda** mengenakan **Ekses** sebanyak RM500, **Anda** terpaksa menanggung sendiri RM500 yang pertama dan **Kami** akan membayar baki RM9,500. Tetapi jika pemandu berkenaan di bawah umur 21 tahun, maka **Anda** mesti menanggung **Ekses** tambahan sebanyak RM400. Dengan menggunakan contoh yang sama, **Anda** sekarang terpaksa menanggung RM900 (iaitu RM500 + RM400) dan **Kami** akan membayar RM9,100.*

***Anda** boleh pilih untuk mengambil **Ekses** Sukarela sebagai tambahan kepada sebarang piawaian atau **Ekses** wajib yang boleh dikenakan.*

## *Perkara yang Patut dan yang Tidak Patut Dilakukan – setelah Anda mengalami kemalangan atau kecurian*

## *Patut Dilakukan:*

- *hubungi **Zurich Bantuan Tepi Jalan 24 jam Pusat Panggilan 1-300-88-5566** atau **+603-7989 0345** (untuk perbualan WhatsApp dan panggilan talian tempatan sahaja) untuk bantuan segera di jalan raya atau perkhidmatan trak tunda sekiranya berlaku kemalangan jalan raya, atau untuk membuat pertanyaan mengenai prosedur tuntutan;*
- *maklumkan kepada **Kami** secepat mungkin tentang sebarang **Kejadian** yang barangkali berakhir dengan tuntutan;*
- *laporkan semua kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang;*
- *serahkan dengan segera kepada **Kami** kesemua surat, tuntutan, writ, saman yang **Anda** terima daripada pihak ketiga akibat **Kejadian** tersebut;*
- *hantarkan **Kereta Anda** ke **Bengkel Pembaikan Kami** untuk dibaiki, atau untuk membaiki cermin depan atau menggantikannya;*
- *isikan dengan lengkap bahagian yang berkaitan dalam borang tuntutan – jangan tulis "rujuk kepada laporan polis"; dan*
- *jika **Anda** mempunyai perlindungan Komprehensif dan pihak ketiga yang melanggar **Kereta Anda** adalah jelas bersalah, **Anda** dinasihatkan untuk membuat tuntutan kerosakan sendiri Knock for Knock (KfK) kepada **Kami** untuk mempercepatkan proses tuntutan. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) **Anda** tidak akan terjejas dan **Anda** boleh menuntut **Ekses** yang **Anda** telah bayar daripada syarikat takaful/insurans pihak ketiga.*

## *Tidak Patut Dilakukan:*

*Jangan:*

- *berunding, mengaku atau menolak sebarang tuntutan tanpa persetujuan **Kami** (lihat Syarat 2 pada halaman 12 ke 13); dan*
- *memberikan kebenaran untuk membaiki tanpa persetujuan **Kami** (lihat Syarat 2f pada halaman 13).*

*Syarat 2 **Sijil Anda** (lihat halaman 12 ke 13) menerangkan dengan lebih terperinci di mana perkara yang patut dan yang tidak patut dilakukan selepas kemalangan atau kecurian.*

# Z-Driver Takaful

## Penambahbaikan Sijil Kereta Persendirian

### ***Perjanjian Takaful***

**A. Jika Kereta Anda digunakan untuk sebarang tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, syarat di bawah akan diguna pakai:**

**Kontrak Takaful Pengguna**

**Sijil** ini dikeluar berdasarkan:

- bayaran caruman sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual** Takaful kepada **Dana Takaful Am (DTA)** di bawah prinsip Tabarru 'untuk membantu peserta lain dalam acara sebagaimana yang ditakrifkan dalam **Sijil** ini;
- jawapan yang **Anda** berikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon Takaful ini); dan serta lain-lain pendedahan yang **Anda** buat di antara waktu Borang Cadangan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon Takaful ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak Takaful di antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-kontrak, hanya remedi dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Adalah menjadi tanggungjawab **Kami** untuk menguruskan **Dana Takaful Am (DTA)** bagi pihak peserta di bawah model Wakalah. Sekiranya terdapat baki dalam **DTA** yang tidak mencukupi untuk membayar manfaat-manfaat Takaful **Anda** semasa **Tempoh Perlindungan Takaful**, **Kami** akan membuat keseimbangan dalam **DTA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaian **Kami**. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaian **Kami**, **Kami** akan membuat pindahan secara langsung. **Anda** seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan **Anda** yang diperoleh dari **DTA** semasa **Tempoh Perlindungan Takaful Anda** boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **DTA** (jika ada) kepada **Kami**.

**Sijil** ini mencerminkan terma dan syarat kontrak takaful yang dipersetujui di antara **Anda** dan **Kami**.

**B. Jika Kereta Anda digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, syarat di bawah akan diguna pakai:**

**Kontrak Takaful Komersil**

**Sijil** ini dikeluarkan menurut:

- bayaran caruman seperti yang ditentukan dalam **Jadual Sijil** kepada **DTA** di bawah prinsip tabarru' untuk membantu peserta **DTA** dan menjadi tanggungjawab **Kami** untuk menguruskan **DTA** bagi pihak peserta di bawah model Wakalah;
- jawapan yang **Anda** berikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) serta lain-lain pendedahan yang **Anda** buat di antara waktu Borang Cadangan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon takaful ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak takaful di antara **Anda** dan **Kami**. Jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-kontrak, boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak Takaful **Anda**.

Adalah menjadi tanggungjawab **Kami** untuk menguruskan **DTA** bagi pihak peserta di bawah model Wakalah. Sekiranya terdapat baki dalam **DTA** yang tidak mencukupi untuk membayar manfaat-manfaat Takaful **Anda** semasa **Tempoh Perlindungan Takaful**, **Kami** akan membuat keseimbangan dalam **DTA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaian **Kami**. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaian **Kami**, **Kami** akan membuat pindahan secara langsung. **Anda** seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan **Anda** yang diperoleh dari **DTA** semasa **Tempoh Perlindungan Takaful Anda** boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **DTA** (jika ada) kepada **Kami**.

**Sijil** ini mencerminkan terma dan syarat kontrak takaful yang dipersetujui di antara **Anda** dan **Kami**.

### ***Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)***

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas **Kami**. **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi **Anda**, mengehadkan pemprosesan data peribadi **Anda** dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami,** seperti yang diterbitkan di https://www.zurich.com.my/pdpa.

## Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri

*Seksyen ini menjelaskan apa yang **Kami** lindungi di bawah Seksyen A dan ia hanya boleh diguna pakai jika **Anda** memperolehi Perlindungan Komprehensif.*

### 1a: Kejadian yang Kami Lindungi

**Kami** akan mengganti kerugian **Anda** jika **Kereta Anda** hilang atau rosak dalam **Tempoh Perlindungan Takaful** akibat **Kejadian-Kejadian** berikut:

(i) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan;

(ii) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal;

(iii) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh;

(iv) rosak akibat dihempap objek jatuh dengan syarat ini tidak bersabit banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain;

(v) kebakaran, letupan atau di sambar kilat;

(vi) pecah cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan / mewarna jika ada;

> *Walau bagaimanapun NCD akan terjejas jika **Anda** membuat tuntutan pecah cermin tanpa memperolehi **Endorsmen 89** atau **Endorsmen 89(a)** terlebih dahulu.*

(vii) pecah masuk, pecah rumah atau kecurian;

(viii) perbuatan niat jahat; atau

(ix) semasa dalam transit iaitu, semasa **Kereta Anda** dibawa dari suatu tempat ke tempat yang lain (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:

a. **Jalan**;
b. jalan keretapi;
c. laluan air pendalaman, contohnya menyeberangi sungai atau terusan dsb.; atau
d. laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dan Semenanjung sahaja.

> *Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk perlindungan transit feri di antara Sabah dan Labuan (**Endorsmen 109**).*

### 1b: Kejadian yang Kami Tidak Lindungi

*Kejadian yang Kami tidak lindungi merupakan pengecualian-pengecualian yang tersenarai di bawah. Pengecualian ini khusus untuk Seksyen A dan adalah tambahan kepada pengecualian yang tersenarai dalam Seksyen D dan Endorsmen yang berkaitan.*

**Kami** tidak akan membayar kerugian berikut:

**(i) Kerugian Turutan**
Apa-apa jenis kerugian langsung atau tak langsung yang terbit turutan dari sebarang **Kejadian** selain yang diberikan di bawah Seksyen A2.

**(ii) Hilang Kegunaan Kereta Anda**
Apa-apa perbelanjaan atau kerugian kewangan sampingan yang **Anda** tanggung kerana tidak dapat gunakan **Kereta Anda** contohnya kos menyewa **Kereta** gantian, tambang pengangkutan dsb.

> *Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk bayaran harian bagi tempoh yang dipersetujui. (**Endorsmen 112**)*

**(iii) Susut Nilai**
Penurunan nilai **Kereta Anda** akibat kerosakan yang dialami atau jangka masa yang diambil untuk membaiki **Kereta,** dan / atau sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan haus dan lusuh, karat dan hakisan kerana telah melalui jangka masa umur.

**(iv) Kerosakan atau Kepincangan Tugas (Malfungsi) Peralatan**
Sebarang kerosakan mekanikal, elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, atau apa-apa saja kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi **Kereta Anda**.

**(v) Kerosakan pada Tayar**
Sebarang kerosakan pada tayar **Kereta Anda** kecuali jika bahagian-bahagian lain **Kereta Anda** juga turut rosak pada masa yang sama.

**(vi) Malapetaka Alam**
Sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.

**(vii) Kehilangan Data Elektronik**
Kehilangan data elektronik dan sebarang akibat yang timbul daripada keadaan itu, secara langsung atau tidak langsung kerana disebabkan atau berkaitan dengan virus komputer. Ini termasuk keadaan di mana ia tidak boleh digunakan, fungsinya berkurangan atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan data elektronik.

**(viii) Penipuan atau Pecah Amanah Jenayah**
Apa-apa kerugian atau kerosakan, termasuk kecurian yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan **Penipuan** atau **Pecah Amanah Jenayah** oleh sesiapa sahaja.

## 2. Asas Penyelesaian Tuntutan

*Seksyen ini menerangkan bagaimana **Kami** boleh menyelesaikan tuntutan **Anda** sekiranya **Kami** memutuskan bahawa tuntutan itu layak dibayar mengikut Seksyen A. Jika **Kereta Anda** rosak akibat sebarang **Kejadian**, **Kami** mempunyai pilihan untuk melakukan seperti berikut:*

### a. *Jika Kereta Anda Boleh Dibaiki*

Jika pada pendapat **Kami** lebih berhemat **Kereta Anda** dibaiki, **Kami** boleh pilih sama ada untuk:

- mengatur supaya **Kereta Anda** dibaiki oleh **Bengkel** yang **Kami** luluskan dan membayar kos membaiki **Kereta Anda** supaya sehampir mungkin berada dalam keadaan seperti sedia kala sepertimana sebelum berlaku kerosakan;
- membayar **Anda** secara tunai jumlah yang **Kami** anggarkan wajar untuk membaiki **Kereta Anda**; atau
- mengembalikan atau mengganti **Kereta Anda** dengan **Kereta** yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya.

### b. *Jika Kereta Anda Tidak Boleh Dibaiki*

Jika pada pendapat **Kami,** kerosakan pada **Kereta Anda** sangat teruk dan tidak selamat atau berhemat dibaiki, **Kami** akan mengisytiharkan **Kereta Anda** sebagai "Tidak Berhemat Dibaiki" ("Beyond Economic Repair" atau **BER**) dan **Kami** akan membayar **Anda** amaun maksimum seperti yang dinyatakan pada perenggan (d) di bawah. **Kami** juga boleh memilih untuk mengganti **Kereta Anda** dengan **Kereta** yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya. Jika **Kami** mengambil mana-mana tindakan ini, **Sijil** ini akan ditamatkan secara automatik setelah **Kami** membuat pembayaran.

> *Dalam keadaan di mana jurang perbezaan penilaian **Nilai Pasaran** oleh pemegang francais lebih daripada 10%, **Kami** juga mempunyai pilihan menawarkan amaun bersamaan dengan kos mengganti **Kereta Anda** dengan **Kereta** yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya pada masa kerugian berlaku. Pilihan untuk menawarkan gantian **Kereta** masih dipegang jika **Anda** tidak setuju dengan tawaran ini.*

### c. *Penggantian Alat-Alat Ganti*

Jika alat ganti atau **Aksesori** yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** tidak terdapat di Malaysia, atau sekiranya **Kami** memilih untuk membayar kerugian atau kerosakan tersebut secara tunai, **Kami** akan selesaikan tuntutan **Anda** berdasarkan berikut:

- mengikut senarai harga terakhir yang dikeluarkan di Malaysia oleh pengilang atau agen mereka. Jika senarai harga tidak wujud di Malaysia, **Kami** akan menggunakan harga di kilang pengeluaran dan ditambah dengan kos pengangkutan yang munasabah ke Malaysia (tetapi bukan kos kargo udara); dan
- kos buruh yang munasabah untuk memasang alat ganti atau **Aksesori** di Malaysia.

### d. *Amaun Maksimum yang Kami akan Bayar Anda*

Jika **Kereta Anda** Tidak Dapat Dibaiki Secara Berhemat **(BER)** atau dicuri dan tidak dapat jumpa semula, amaun yang boleh dibayar di bawah **Sijil** ini adalah mengikut **Nilai Pasaran** pada masa kerugian atau **Amaun Dilindungi** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual Sijil**, mengikut yang mana yang lebih rendah. Sebaik sahaja amaun tersebut dibayar, **Sijil** ini akan ditamatkan secara automatik. **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut Fasal 20 dan 28 Seksyen F.

### e. *Takaful Terkurang*

Jika **Amaun Dilindungi** bagi **Kereta Anda** didapati kurang daripada **Nilai Pasaran** pada masa berlakunya kerugian, **Sijil** ini akan hanya menanggung sebahagian kerugian setimpal dengan perbezaan di antara **Nilai Pasaran** dan **Amaun Dilindungi** mengikut formula di bawah:

$$\frac{\textbf{Amaun Dilindungi}}{\textbf{Nilai Pasaran}} \times \text{Kerugian Tertaksir}$$

Bakinya hendaklah ditanggung oleh **Anda** sendiri. Walau bagaimanapun, denda ini hanya akan dikenakan jika amaun takaful yang terkurang melebihi 10% daripada **Nilai Pasaran.**

### f. *Penambahbaikan (Betterment)*

Jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki **Kereta Anda** dan ini menyebabkan **Kereta Anda** berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kerosakan berlaku, **Anda** diperlukan menyumbang terhadap penambahbaikan itu, dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut. Skala sumbangan **Anda** adalah berdasarkan seperti berikut:

| Umur Kereta Anda (Tahun) | Kadar Penambahbaikan |
|---|---|
| Kurang daripada 5 tahun | 0 |
| 5 | 15% |
| 6 | 20% |
| 7 | 25% |
| 8 | 30% |
| 9 | 35% |
| 10 dan ke atas | 40% |

Kadar penambahbaikan yang diguna pakai akan ditentukan oleh umur **Kereta Anda** yang akan dihitung berdasarkan tahun pada asalnya ia didaftarkan di Malaysia:

| | | |
|---|---|---|
| a. | sebagai kereta tempatan | Tarikh Pendaftaran Asal |
| b. | sebagai kereta baharu import unit siap dipasang (CBU) | Tarikh Buatan |
| c. | sebagai kereta import terpakai / telah digunakan / disesuaikan semula | Tarikh Buatan |

**g.** ***Ekses Wajib*** *(sila lihat halaman 4 untuk penjelasan)*

Di samping **Ekses** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Sijil**, **Kami** berhak potong RM400 lagi sebagai **Ekses** Wajib jika pada waktu berlakunya **Kejadian**, **Anda** atau orang yang memandu **Kereta Anda** dengan izin **Anda**:

- adalah di bawah umur 21 tahun;
- memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); atau
- tidak dinamakan di dalam **Jadual Sijil** sebagai **Pemandu Dinamakan**;

**Kami** tidak akan potong **Ekses** tambahan RM400 ini jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

## 3. Kos Menunda

Jika **Kereta Anda** tidak boleh dipandu kerana rosak akibat **Kejadian** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, **Kami** akan membayar hingga RM200 maksimum bagi kos munasabah untuk menunda **Kereta Anda** ke **Bengkel** terdekat yang diluluskan atau ke tempat simpanan yang selamat sementara menunggu dibaiki atau dihapuskan.

# Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga

*Seksyen ini menerangkan apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi di bawah Seksyen B.*

### 1a: Apa yang Dilindungi?

**Kami** akan mengganti rugi amaun yang **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** perlu bayar mengikut undang-undang kepada mana-mana pihak ketiga (termasuk kos dan perbelanjaan pihak ketiga) atas sebab:

(i) kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang melainkan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **Sijil** ini; dan / atau

(ii) kerosakan terhadap harta melainkan harta kepunyaan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **Sijil** ini

akibat **Kejadian** yang berpunca dari penggunaan **Kereta Anda** di **Jalan**. Perlindungan ini diperluaskan kepada **Pemandu Dibenarkan** dengan syarat **Pemandu Dibenarkan** itu mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini.

### 2: Had Liabiliti Kami

**Kami** akan membayar sehingga amaun berikut bagi mana-mana satu tuntutan, atau satu siri tuntutan yang timbul akibat satu **Kejadian**, dalam mana-mana satu **Tempoh Perlindungan Takaful:**

(i) kematian atau kecederaan tubuh badan pihak ketiga - tidak terhad; dan / atau

(ii) kerosakan harta pihak ketiga sehingga RM3,000,000 had maksimum.

> *Dengan membayar caruman tambahan, had liabiliti untuk kerosakan harta pihak ketiga boleh diperluaskan sehingga RM20,000,000 (**Endorsmen 105**).*

### 3: Perlindungan untuk Wakil Sah di Sisi Undang-Undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, **Kami** akan mengganti rugi wakil sah di sisi undang-undang orang tersebut bagi liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini.

### 1b: Apa yang Tidak Dilindungi?

Pengecualian berikut adalah khusus untuk Seksyen B dan adalah tambahan bagi Pengecualian yang dinyatakan di dalam Seksyen D **Sijil** ini serta mana-mana **Endorsmen** yang berkaitan. **Kami** tidak akan membayar bagi:

(i) kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;

(ii) kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan**;

> *Bagi caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi **Anda/pemandu/penumpang** semasa dalam perjalanan di dalam Kereta **Anda**. (**Endorsmen 200**)*

> *Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, **Sijil** ini tidak dikehendaki melindungi, kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut;*

> ***Semasa dalam tugasan** – Mana-mana orang yang mati atau cedera (sama ada sebagai penumpang atau tidak) semasa berada di dalam atau di atas **Kereta** di mana ini adalah sebahagian dari tugasnya dengan pihak yang dilindungi contoh sebagai pencuci **Kereta**, mekanik dsb.*

(iii) kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan;**

(iv) liabiliti kepada mana-mana orang yang dibawa di dalam atau di atas atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau majikannya;

### 4: Kos Guaman

Jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dihadapkan pertuduhan memandu secara melulu dan berbahaya atau memandu secara cuai atau tidak bertimbang rasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau sebarang kesalahan yang berkaitan dengan **Kejadian** tersebut, **Kami** akan membayar kos guaman yang ditanggung sehingga amaun maksimum RM2,000 kerana membela **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** asalkan kos tersebut ditanggung di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam dan persetujuan bertulis daripada **Kami** telah diperoleh terlebih dahulu.

**Kami** hanya akan membayar kos guaman dan sebarang penalti yang dikenakan terhadap **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak akan dibayar.

### 5: Hak Tuntut Balik

**Kami** berhak tidak membayar ganti rugi kepada **Anda** jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** telah memungkiri mana-mana syarat **Sijil** atau jika tuntutan terkeluar dari skop perlindungan yang **Kami** beri di bawah **Sijil** ini. Walau bagaimanapun, jika **Kami** dikehendaki oleh undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam untuk membayar sebarang jumlah penghakiman (judgment sum) berkaitan dengan sesuatu tuntutan di bawah Seksyen B **Sijil** yang jika tidak kerananya **Kami** tidak perlu membayarnya, **Kami** berhak meminta **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** membayar balik kepada **Kami** amaun yang dibayar itu termasuk sebarang kos yang ditanggung.

***Semasa melaksanakan kontrak pekerjaan*** *– Penumpang yang terpaksa dibawa ke suatu tempat untuk menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan.*

***Liabiliti terhadap penumpang*** *selain dari:*

a. *penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;*
b. *pekerja yang sedang melaksanakan kontrak pekerjaan; atau*
c. ***Ahli Keluarga Anda*** *atau* ***Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan*** *kecuali dia terpaksa dibawa di dalam* ***Kereta Anda*** *untuk menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan;*

*boleh dilindungi secara berasingan dengan caruman tambahan di bawah* ***Endorsmen 100****. Jika* ***Anda*** *telah mempunyai* ***Endorsmen*** *ini,* ***Anda*** *perlu merujuk kepada teks penuh* ***Endorsmen 100: Liabiliti di sisi Undang-undang terhadap Penumpang*** *mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk* ***Endorsmen*** *ini.*

(v) liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda;**

*Liabiliti bagi kemalangan yang disebabkan oleh penumpang* ***Anda*** *mungkin boleh dilindungi secara berasingan dengan caruman tambahan di bawah* ***Endorsmen 72****.* ***Anda*** *perlu merujuk teks penuh* ***Endorsmen 72: Liabiliti Penumpang di sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai*** *mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk* ***Endorsmen*** *ini*

(vi) apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda**, sama ada dibenarkan atau tidak*;*

(vii) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/atau

(viii) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

## Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)

*Seksyen ini menjelaskan sistem ganjaran yang dikenali sebagai "Diskaun Tanpa Tuntutan" atau "No Claim Discount" (NCD).*

***1. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)***

Jika **Anda** telah melindungi **Kereta Anda** selama dua belas (12) bulan secara berterusan dan **Anda** atau sesiapa yang lain tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap **Sijil** ini dalam tempoh tersebut, suatu Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) akan diberikan setiap kali **Sijil** diperbaharui. Diskaun Tanpa Tuntutan ini akan meningkat setiap tahun **Sijil** diperbaharui selagi **Anda** terus tidak membuat tuntutan mengikut peratusan berikut:

| Takaful bebas tuntutan mengikut tahun | Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan |
|---|---|
| Selepas 1 tahun berterusan tanpa tuntutan | 25% |
| Selepas 2 tahun berterusan tanpa tuntutan | 30% |
| Selepas 3 tahun berterusan tanpa tuntutan | 38 1/3% |
| Selepas 4 tahun berterusan tanpa tuntutan | 45% |
| Selepas 5 tahun berterusan tanpa tuntutan dan seterusnya | 55% |

***2. Satu Tuntutan dan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda Menjadi Sifar***

Jika **Anda** atau sesiapa yang lain mengalami **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan terhadap **Sijil** ini, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan yang **Anda** telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** terpaksa dimulakan semula. Jika sesuatu tuntutan diterima selepas Diskaun Tanpa Tuntutan diberikan, **Kami** berhak menuntut semula daripada **Anda** Diskaun Tanpa Tuntutan yang telah diberikan.

***3. Pengecualian bagi Peraturan ini***

Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** tidak akan terjejas walaupun tuntutan dibuat jika:

- **Kami** berpendapat bahawa **Anda** tidak bersalah menyebabkan kerugian tersebut;
- kenderaan yang bersalah itu boleh dikenal pasti dan ia bukan kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang (contohnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas henti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk disewa);
- kenderaan yang bersalah itu dilindungi oleh syarikat takaful/insurans berlesen di Malaysia; dan
- tuntutan berkenaan tidak melibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.

***4. Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak boleh Dipindah milik***

Diskaun Tanpa Tuntutan adalah hak peribadi **Anda** dan ini bermakna jika **Anda** menjual **Kereta Anda** dan **Kami** bersetuju memindahkan **Sijil** ini kepada pemilik baharu, Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** tidak boleh dipindahkan bagi manfaat pemilik baharu itu.

***5. Jika Diskaun Tanpa Tuntutan tidak Digunakan***

Bai setiap tahun di mana Diskaun Tanpa Tuntutan tidak digunakan oleh **Anda**, Diskaun Tanpa Tuntutan yang terkumpul itu dan diguna pakai untuk **Sijil** ini akan berkurangan setiap tahun ia tidak digunakan mengikut skala tertera di jadual dalam fasal C1 di atas.

## Seksyen D: Pengecualian Am – diguna pakai bagi keseluruhan Sijil

*Seksyen ini menyenaraikan keadaan yang tidak dilindungi oleh **Sijil** in ketika berlaku **Kejadian**. Ini merupakan pengecualian tambahan pada yang telah disenaraikan dalam Seksyen A1b (lihat halaman 6) dan B1b (lihat halaman 8 ke 9).*

***1. Pemandu Tanpa Lesen***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu **Kereta Anda**. Pengecualian ini tidak dikuatkuasakan sekiranya **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.

***2. Arak, Dadah dan Bahan-bahan Lain yang Memabukkan***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan baik.

> ***Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** akan dianggap tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 daripada 50mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.*

***3. Tuntutan Palsu dan Melampau***

Mana-mana tuntutan palsu atau yang sengaja dilebih-lebihkan secara menipu, atau jika **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**, menggunakan cara palsu bagi mendapat sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini, keseluruhan tuntutan tidak akan dibayar atau berbayar. Jika **Kami** terpaksa juga membuat bayaran bagi sebarang tuntutan kepada pihak ketiga, **Kami** berhak menuntut kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa kos yang ditanggung daripada **Anda.**

***4. Penggunaan Kereta secara Menyalahi Undang-undang***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** menggunakan **Kereta Anda** untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau cuba menyalahi undang-undang, iaitu, melanggar undang-undang jenayah atau undang-undang yang diiktiraf oleh negara di mana **Kereta Anda** digunakan.

***5. Penggunaan Kereta untuk Berlumba dsb.***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** menggunakan atau mengizinkan **Pemandu Dibenarkan** untuk menggunakan **Kereta Anda**:

a. untuk berlatih atau untuk mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, pertandingan (selain acara mencari harta karun) rali, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*) atau ujian kelajuan; atau
b. di mana-mana litar perlumbaan

> *Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi **Kereta Anda** bagi tujuan ujian keandalan atau pertandingan jika **Anda** membeli perluasan perlindungan yang ditetapkan {**Endorsmen 24(c)** atau **24(d)**}.*

***6. Penggunaan Kereta di Luar Malaysia***

Kecuali **Sijil** ini setuju sebaliknya, takaful ini tidak melindungi **Anda** terhadap tuntutan yang timbul semasa **Kereta Anda** digunakan atau dipandu di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Tanggungan perlindungan di bawah **Sijil** ini di Malaysia tertakluk pada Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta terma dan syarat **Sijil** ini dan tanggungan perlindungan di luar Malaysia adalah tertakluk pada terma dan syarat **Sijil** ini sahaja.

> *Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi penggunaan **Kereta Anda** di Thailand atau Kalimantan sahaja jika **Anda** membeli perluasan perlindungan yang ditetapkan (**Endorsmen 101** dan **102**).*

***7. Gagal mengambil Langkah-langkah Pencegahan***

**Kami** tidak akan membayar sebarang tambahan jika selepas suatu **Kejadian** atau kerosakan, **Anda**:

a. membiarkan **Kereta Anda** tanpa dijaga atau **Anda** gagal mengambil langkah wajar untuk mencegah kerugian atau kerosakan tambahan; atau
b. terus memandu **Kereta Anda** dalam keadaan ia tidak wajar digunakan sebelum melakukan sebarang pembaikan.

**Kami** juga tidak akan membayar mana-mana tuntutan yang timbul jika semasa menggunakan **Kereta Anda**, **Anda** tidak mengambil tindakan munasabah bagi memastikan **Kereta Anda** selamat. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau dengan kuncinya berada di dalam atau di atas **Kereta Anda**.

***8. Risiko Peperangan***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kerugian atau liabiliti (termasuk kos membela sebarang tindakan) dalam apa juga cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan dengan:

a. peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) perang saudara, **Tindakan Keganasan**, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau
b. mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang meningkat hingga boleh dikatakan sebagai suatu pemberontakan atau revolusi atau rampasan kuasa tentera.

*Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi mogok, rusuhan dan kekacauan awam **(Endorsmen 25).***

***9. Risiko Nuklear***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kemalangan, kerugian atau kerosakan terhadap sebarang harta atau sebarang kerugian atau liabiliti berpunca dari (termasuk kerugian turutan serta kos untuk membela sebarang tindakan) yang berkaitan dalam apa juga cara dengan pengendalian yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan, atau semasa mengendalikan bahan radioaktif. Ini termasuk, tetapi tidak terbatas kepada:

a. penggunaan reaktor nuklear seperti longgokan atom, pemecut zarah atau generator dan alat-alat yang serupa dengannya;
b. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif yang berkaitan dengan sebarang **Tindakan Keganasan**;
c. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan apa-apa senjata atau alat letupan yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan; atau
d. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif.

***10. Malapetaka Awam***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan (kecuali dibeli secara khusus) bagi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah / bumi atau malapetaka alam yang lain.

*Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah dsb. (**Endorsmen 57**).*

***11. Liabiliti Berkontrak***

**Kami** tidak akan membayar apa-apa liabiliti yang berbangkit daripada sesuatu perjanjian, jika tanpa perjanjian tersebut **Kami** tidak bertanggungjawab.

***12. Pemandu Tidak Dibenarkan***

Berkenaan dengan gantirugi yang diperuntukkan di dalam **Sijil** ini, **Kami** tidak akan membayar mana-mana **Kejadian**, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan atau berpunca semasa **Kereta Anda** dipandu oleh mana-mana orang selain daripada **Pemandu Dibenarkan** atau orang yang memandu atas arahan atau dengan kebenaran **Anda**.

## Seksyen E: Syarat – diguna pakai bagi keseluruhan Sijil

*Seksyen ini menjelaskan terma dan syarat yang mesti **Anda** patuhi bagi memastikan takaful ini terus berkuat kuasa. Pada dasarnya syarat-syarat ini ada tiga jenis:*

- *Apa yang **Anda** mesti lakukan*
- *Apa yang **Anda** tidak boleh lakukan*
- *Apa yang **Kami** boleh lakukan*

**Prasyarat Terdahulu terhadap Liabiliti Sijil**

Syarat-syarat berikut merupakan prasyarat bagi **Sijil** ini bertanggungjawab melindungi **Anda** di bawah **Sijil** ini dan **Anda** mesti betul-betul mematuhinya. **Kami** berhak menolak **Sijil** ini dan / atau tidak akan membayar mana-mana tuntutan di bawah **Sijil** ini jika **Anda** melanggar mana-mana syarat. **Pemandu Dibenarkan** dan mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang yang mahu mendapat gantirugi di bawah **Sijil** ini turut tertakluk kepada syarat-syarat yang sama.

***1. Kewajipan Pendedahan***

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Takaful Pengguna dan untuk Kontrak Takaful Komersial. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

### *A. Kontrak Takaful Pengguna*

Jika takaful yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** berkewajipan mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak takaful **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

### *B. Kontrak Takaful Komersil*

Jika takaful yang **Anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak takaful **Anda**.

**Anda j**uga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

Berikut adalah contoh-contoh tindakan yang boleh **Kami** ambil terhadap **Anda** jika **Anda** memberi pernyataan salah tentang mana-mana fakta kepada **Kami** sebelum **Sijil** berkuat kuasa:

- isytiharkan **Sijil Anda** sebagai terbatal dari mula lagi (iaitu **Sijil** dianggap tidak sah), dan **Kami** boleh tidak pulangkan apa-apa caruman;
- batalkan **Sijil** tersebut dan pulangkan caruman setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut caruman yang belum dibayar;
- singkir satu atau lebih **Pemandu Dinamakan** dari **Sijil Anda** dan selaraskan caruman **Anda**;
- tuntut semula apa-apa kekurangan caruman yang tidak dikenakan;
- tolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah **Sijil**; atau
- berhak menuntut kembali dari jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah **Sijil** atau mana-mana tuntutan yang terpaksa **Kami** bayar kerana undang-undang jalanraya termasuk kos membuat tuntutan.

***2. Kemalangan dan Prosedur Tuntutan***

Jika **Kereta Anda** terlibat dalam sebarang **Kejadian** yang memungkinkan tuntutan dibuat terhadap **Sijil** ini **Anda** mesti melakukan perkara berikut:

a. Laporkan kepada Jabatan Tuntutan **Kami** tentang **Kejadian** itu dan dapatkan Borang Tuntutan. **Anda** mesti laporkan **Kejadian** tersebut kepada **Kami** dengan secepat mungkin namun apa pun mestilah:
   - Dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** tidak hilang upaya dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital akibat **Kejadian** itu; atau
   - Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan jika **Anda** hilang upaya dan dimasukkan ke hospital akibat **Kejadian** itu.

   **Kami** boleh membenarkan tempoh pemberitahuan yang lebih lama jika **Anda** dapat memberikan bukti khusus serta justifikasi bagi kelewatan tersebut.

b. Laporkan **Kejadian** kepada polis seperti yang dikehendaki undang-undang dan lakukan segala yang diperlukan bagi membantu pihak polis memastikan pihak bersalah dijatuhkan hukuman.

c. Lengkapkan Borang Tuntutan sepenuhnya dan kembalikannya kepada **Kami** dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan **Anda** seperti perenggan (a) di atas. **Anda** dikehendaki memberi jawapan terperinci terhadap semua soalan pada bahagian berkenaan dan **Anda** juga mesti kemukakan segala dokumen yang **Kami** perlukan bagi menyokong tuntutan **Anda**. **Kami** tidak bertanggungjawab jika **Anda** lewat menyerahkan Borang Tuntutan yang siap dilengkapkan bersama-sama kesemua dokumen yang diperlukan.

   **Kami** mungkin membenarkan tempoh penyerahan tuntutan yang lebih panjang tertakluk kepada bukti khusus dan justifikasi yang **Anda** berikan.

d. Jika **Anda** menerima sebarang tuntutan daripada pihak ketiga, **Anda** mesti memberitahu **Kami** tentangnya dengan serta-merta dan **Anda** mesti menghantar kepada **Kami** apa-apa amaran tuntutan, notis pendakwaan atau inkues yang akan berlaku, saman, writ atau sebarang surat daripada peguam pihak ketiga sebaik sahaja **Anda** menerima dokumen-dokumen tersebut, namun apa pun mestilah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.

e. Hantar **Kereta Anda** ke mana-mana **Bengkel Pembaikan Kami** supaya **Kami** dapat memeriksa **Kereta Anda** sebelum memberi kelulusan untuk membaikinya atau ambil tindakan munasabah bagi mengawal **Kereta Anda** dari kerugian atau kerosakan tambahan. **Kami** boleh menolak sebarang tuntutan di bawah Seksyen A **Sijil** ini jika **Anda** melanggar syarat ini.

f. **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** secara bertulis sebelum **Anda** membaiki **Kereta Anda** atau membelanjakan wang berkaitan dengan apa-apa tuntutan di bawah **Sijil** ini.

**Anda** dilarang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- Mengaku bertanggungjawab bagi sebarang **Kejadian**; atau
- Berunding atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, kecuali **Kami** memberi kelulusan bertulis bahawa **Anda** boleh lakukan begitu**.**

**Kami** berhak memutuskan sama ada untuk berunding, membela atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, di atas nama **Anda,** nama **Pemandu Dibenarkan** dan / atau bagi pihak **Anda**. Jika pada hemat **Kami** tuntutan pihak ketiga yang dibuat terhadap **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** bagi kerosakan harta akan melebihi had liabiliti sebanyak RM3 juta, **Kami** akan membayar amaun penuh liabiliti **Kami** kepada **Anda** atau pihak ketiga dan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pembelaan, penyelesaian atau prosiding seterusnya kepada **Anda**. Selepas berbuat demikian **Kami** tidak lagi bertanggungjawab di bawah **Sijil** ini untuk membuat apa-apa bayaran lagi kepada **Anda** atau mana-mana pihak yang menuntut atau mana-mana orang yang berkaitan dengan **Kejadian** yang sama.

*Syarat-syarat di atas juga dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang ingin membuat tuntutan di bawah terma **Sijil** ini. "Sesiapa sahaja" termasuk juga mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang atau pentadbir harta pusaka pemegang **Sijil**.*

### 3. *Pembatalan*

Kedua-dua belah pihak boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dalam **Tempoh Perlindungan Takaful**:

a. Pembatalan oleh **Anda**:

- **Anda** boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan mengembalikan **Sijil Takaful** (CT) kepada **Kami** atau, jika **Sijil Takaful** itu telah hilang atau musnah, **Anda** mesti kemukakan kepada **Kami** Akuan Berkanun {Statutory Declaration (SD)} yang telah diperakui dengan sewajarnya untuk mengesahkan hal ini.
- Selepas mengembalikan **Sijil Takaful** atau Akuan Berkanun **Anda** layak mendapat bayaran balik sebahagian caruman sekiranya tiada tuntutan dibuat sebelum pembatalan. Bahagian yang akan dikembalikan kepada **Anda** adalah perbezaan antara caruman penuh yang telah dibayar dan kadar jangka pendek biasa **Kami** yang dikira bagi tempoh **Kami** mula menanggung risiko hingga tarikh **Kami** menerima **Sijil Takaful** atau Akuan Berkanun:

| Tempoh Perlindungan Takaful | Kadar Bayaran Balik Caruman |
|---|---|
| Tidak melebihi 1 minggu | 87.5 % daripada caruman tahunan |
| Tidak melebihi 1 bulan | 75.0 % daripada caruman tahunan |
| Tidak melebihi 2 bulan | 62.5 % daripada caruman tahunan |
| Tidak melebihi 3 bulan | 50.0 % daripada caruman tahunan |
| Tidak melebihi 4 bulan | 37.5 % daripada caruman tahunan |
| Tidak melebihi 6 bulan | 25.0 % daripada caruman tahunan |
| Tidak melebihi 8 bulan | 12.5 % daripada caruman tahunan |
| Melebihi 8 bulan | bayaran balik caruman tidak dibenarkan |

- **Sijil** ini akan luput secara automatik sebaik sahaja **Anda** menjual atau melupuskan **Kereta Anda** kerana kepentingan boleh takaful **Anda** untuk **Kereta** itu akan tamat. Jika **Anda** mahu memindahkan **Sijil** ini kepada pembeli yang baharu, **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** terlebih dahulu.

b. Pembatalan oleh **Kami**:

- **Kami** boleh juga membatalkan **Sijil** ini dengan alasan yang sewajarnya, dengan memberi **Anda** notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir **Anda** yang **Kami** tahu.
- Selepas mengembalikan **Sijil Takaful** atau Akuan Berdaftar **Anda** layak mendapat bayaran balik caruman bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan dikira secara pro rata dari tarikh **Kami** menerima **Sijil Takaful** atau Akuan Berkanun daripada **Anda** hingga ke tarikh luput **Sijil**.

Tidak ada bayaran balik caruman bagi sebarang pembatalan **Sijil** (sama ada oleh **Anda** atau **Kami**) sekiranya **Anda** telah membayar **Caruman Minimum** sahaja atau jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap **Sijil** ini.

4. ***Jika terdapat Lebih Dari Satu Takaful atau Insuran yang Melindungi Kereta yang Sama***

   a. **Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis jika mempunyai lain-lain takaful atau insuran yang turut melindungi **Kereta Anda** dalam **Tempoh Perlindungan Takaful**.
   b. Jika sesuatu tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini dan kerugian tersebut juga dilindungi oleh sijil takaful/polisi insurans lain yang **Anda** ambil, **Kami** akan hanya membayar bahagian **Kami** mengikut nisbah pro-rata dari kerugian sepenuhnya. Bukan tanggungjawab **Kami** membayar dahulu keseluruhan tuntutan itu dan kemudian menuntut balik bahagian syarikat takaful atau insuran yang turut bertanggungjawab bagi kerugian tersebut.

   Klausa ini tidak terpakai kepada Endorsmen 200 - Asas Kemalangan Diri.

5. ***Subrogasi***

   **Kami** berhak mengambil alih kesemua hak dan remedi yang **Anda** ada terhadap mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan kerugian yang dilindungi di bawah **Sijil** ini. **Kami** mempunyai budi bicara mutlak dalam mengendalikan prosiding terhadap pihak ketiga dalam urusan tuntutan tersebut dengan kos ini ditanggung **Kami** sendiri. **Anda** mesti memberi apa-apa maklumat dan bantuan yang mungkin **Kami** perlu dari semasa ke semasa termasuklah menyerahkan kesemua hak untuk bertindak atas nama **Anda**. **Anda** mestilah memberi **Kami** kerjasama yang sepenuhnya untuk melindungi hak ini dan memberikan segala bantuan dan mengambil langkah-langkah sepertimana yang **Kami** perlukan.

6. ***Menyelesaikan Pertikaian***

   Jika berlaku perselisihan atau pertikaian tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan **Sijil** ini yang melibatkan amaun melebihi RM250,000, **Anda** dan **Kami** akan bersama melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis untuk menyelesaikan perselisihan atau pertikaian ini. Jika **Anda** dan **Kami** tidak boleh bersetuju tentang siapakah yang akan menjadi Penimbang Tara dalam masa sebulan seperti yang dikehendaki, maka **Anda** dan **Kami** boleh masing-masing melantik seorang Penimbang Tara. Kedua-dua Penimbang Tara tersebut akan kemudian mendengar perselisihan dan pertikaian bersama dengan seorang Pengadil yang mereka lantik. Jika Penimbang Tara tidak bersetuju dalam pemilihan Pengadil dalam masa tiga puluh (30) hari, maka seorang Pengadil akan dilantik oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

   Jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada RM250,000 **Anda** boleh rujuk perkara ini kepada **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan** untuk diselesaikan.

7. ***Hal-hal Lain***

   **Kami** hanya akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi **Anda** di bawah **Sijil** ini jika **Anda:**

   a. Mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini. **Pemandu Dibenarkan** dan mana-mana wakil sah **Anda** yang mahu perlindungan di bawah **Sijil** ini juga tertakluk kepada syarat-syarat ini;
   b. Menyelenggara **Kereta Anda** secara munasabah supaya cekap dan layak dipandu di jalan raya. **Anda** mesti memberitahu **Kami** jika **Anda** telah membuat sebarang pengubahsuaian yang akan menambah dalam apa juga cara yang akan memberikan kesan terhadap prestasi **Kereta Anda**;
   c. Mengambil langkah yang munasabah untuk mengelak daripada sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan berlakunya tuntutan. **Sijil** ini tidak akan melindungi **Anda** jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu secara melulu, iaitu, di mana **Anda** tahu adanya bahaya tetapi dengan sengaja tidak mengambil langkah-langkah mencegahnya. Ini termasuk dan tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau dengan kuncinya berada di dalam atau di atas **Kereta Anda**.
   d. **Anda** mesti membenarkan **Kami** memeriksa **Kereta Anda** pada bila-bila masa yang sesuai apabila diminta.

8. ***Sekatan***

   Tidak tertakluk mana-mana terma lain di bawah perjanjian ini, **Kami** tidak akan membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan di bawah sekatan rejim **UNSC, MOHA** dan **OFAC**.

9. ***Perkongsian Lebihan***

   **Kami** akan menguruskan caruman takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah model Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai **DTA**. Jika pada akhir **Tempoh Perlindungan Takaful** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** yang dilampirkan bersama **Sijil**, terdapat lebihan bersih di dalam **DTA**, lebihan bersih tersebut akan dikongsi dengan kadar 50:50 antara pengurus Takaful dan Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** tersebut sementara **Sijil** tersebut berkuatkuasa.

10. ***Peruntukan Cukai***

    Semua caruman dan yuran di dalam **Sijil** ini akan dikenakan cukai. Jika cukai dikenakan, ianya akan dinyatakan di dalam invois dan **Kami** berhak untuk mengutip cukai daripada **Anda** di samping bayaran caruman dan/atau yuran di dalam **Sijil** ini.

11. ***Pengurusan Jumlah Kecil***

    Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami.

    **Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

## Seksyen F: Takrif perkataan yang ditandakan di dalam Sijil

*Seksyen ini menerangkan apa yang **Kami** maksudkan dengan perkataan yang dicetak dalam huruf tebal dalam **Sijil** ini.*

Di dalam **Sijil**, **Jadual** dan **Sijil Takaful** ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai makna seperti yang ditakrifkan di bawah kecuali konteks sebaliknya diperlukan:

***1. Ahli Keluarga***

Ini merujuk kepada semua ahli keluarga **Anda** atau ahli keluarga terdekat **Pemandu Dibenarkan** iaitu, suami / isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah di sisi undang-undang, ibu bapa, dan adik-beradik yang tinggal di bawah satu bumbung dengan **Anda**, atau dengan **Pemandu Dibenarkan**.

***2. Ajuster (Adjuster)***

Ini merujuk kepada orang atau entiti yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang **Kami** lantik untuk menyiasat sebab dan keadaan berlakunya kerugian dan untuk menentukan amaun kerugian.

***3. Dana Takaful Am (DTA)***

Ini merujuk kepada dana yang ditubuhkan untuk caruman bahagian berkumpulan yang dibuat oleh peserta berdasarkan konsep Tabarru' untuk tujuan tuntutan mesyuarat yang berkaitan dengan peristiwa atau risiko yang khusus bagi **Sijil** ini. Dana ini dikutip secara berkumpulan daripada semua peserta.

***4. Aksesori***

Ini merujuk kepada alat-alat standard **Kereta** yang telah dipasang di kilang, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan juga termasuk radio / pemain kaset / pemain cakera padat dan seumpamanya jika dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**.

***5. Amaun Dilindungi***

Ini adalah amaun maksimum yang **Kami** akan bayar kepada **Anda** bagi sesuatu tuntutan di bawah Seksyen A. Amaun ini dicatatkan di dalam **Jadual Sijil**. **Amaun Dilindungi** mestilah cukup untuk menampung kos mengganti **Kereta Anda** sekiranya berlaku **Kejadian** yang memusnahkannya sama sekali.

***6. Anda***

Ini merujuk kepada pemegang **Sijil** atau pihak yang namanya dicatat di dalam **Jadual Sijil** sebagai 'Peserta'.

***7. Bengkel Pembaikan Kami***

Ini merujuk kepada:

a. Bengkel membaiki motor yang diluluskan oleh **Kami;**
b. Mana-mana bengkel membaiki yang telah **Kami** berikan kelulusan khas untuk digunakan.

***8. Caruman Minimum***

Caruman minimum yang disebut di dalam **Jadual Sijil.**

***9. Cukai***

**Cukai** bermaksud sebarang cukai, levi atau kewajipan langsung atau tidak langsung, yang termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

***10. Endorsmen***

Ini merujuk kepada dokumen yang **Kami** keluarkan kepada **Anda** untuk mengesahkan sebarang perubahan atau perlindungan tambahan bagi **Sijil** asas.

***11. Ekses***

Ini merujuk kepada amaun pertama yang **Anda** terpaksa tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan. Amaun **Ekses** ini disebut dalam **Jadual Sijil**. **Anda** mesti menanggung **Ekses** tersebut tanpa mengira siapa yang bersalah pada **Kejadian** itu.

***12. Had Penggunaan***

Mengikut **Sijil Takaful Anda**, **Kereta Anda** hanya boleh digunakan untuk "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan pemegang **Sijil**". **Sijil Takaful** juga menyatakan bahawa "**Sijil** tidak melindungi penggunaannya bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang, perlumbaan, perentak perlumbaan (pacemaking), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan cubaan, membawa barang yang berkaitan dengan sebarang urus niaga atau perniagaan selain sampel barang".

***13. Jadual***

Dokumen ini menyatakan nama dan alamat **Anda**, **Tempoh Perlindungan Takaful**, seksyen-seksyen **Sijil** ini yang berkuat kuasa, caruman yang **Anda** telah bayar, **Kereta** yang dilindungi, **Amaun Dilindungi** dan perincian sebarang perluasan atau **Endorsmen**.

***14. Jalan***

Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987 mentakrif "Jalan" sebagai "mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberikan kesan sepenuh kepada penggunaannya".

15. ***Kami***
Ini merujuk kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad yang mengeluarkan **Sijil** takaful ini mewakili semua peserta **DTA**.

16. ***Kejadian***
Satu peristiwa yang berlaku di **Jalan** yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini.

17. ***Kereta***
Ini merujuk kepada kenderaan bermotor yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** termasuk opsyen piawaian pengilang dan **Aksesori** yang dipasang kepadanya dan lain-lain yang bukan opsyen piawaian pengilang atau huraian yang tersenarai secara khusus di dalam **Jadual Sijil.**

18. ***MOHA***
Ini merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs).

19. ***Nilai Pasaran***
Ini merujuk kepada kos munasabah untuk membeli sebuah **Kereta** lain yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya serupa dengan **Kereta Anda** semasa berlaku kerugian. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian akan ditentukan mengikut terma yang **Anda** telah pilih semasa **Anda** membeli **Sijil** ini. Jika **Anda** telah memilih **Sistem Penilaian Pasaran** untuk menentukan **Amaun Dilindungi,** maka **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut sistem penilaian seperti yang dihuraikan dalam fasal 28 di bawah. Walau bagaimanapun, jika **Anda** tidak memilih **Sistem Penilaian Pasaran** maka **Nilai Pasaran Kereta Anda** jika berlaku pertikaian akan ditentukan oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais **Kereta** dan nilai ini mesti bersamaan dengan kos membeli **Kereta** gantian yang sama buatannya, modelnya dan umurnya dengan **Kereta Anda** semasa berlakunya kerugian. Sekiranya penilaian ini tidak dapat diperolehi atau pada pendapat **Kami** terlalu rendah atau tinggi maka penilaian ini akan ditentukan oleh **Ajuster**, dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

20. ***OFAC***
Ini merujuk kepada Pejabat Kawalan Harta Asing (Office of Foreign Assets Control).

21. ***Ombudsman Perkhidmatan Kewangan***
Ini adalah sebuah badan bebas yang menawarkan saluran percuma dan cekap untuk membantu menyelesaikan pertikaian tertentu antara **Anda** dengan **Kami** di bawah **Sijil** ini sebagai alternatif kepada penyelesaian di mahkamah.

22. ***Pemandu Dibenarkan***
Ini merujuk kepada sesiapa yang memandu **Kereta Anda** dengan kebenaran atau izin **Anda** dengan syarat dia mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis kenderaan yang berkaitan dan tidak hilang kelayakan untuk memandu dari segi undang-undang atau atas sebab-sebab lain.

23. ***Pemandu Dinamakan***
Ini merujuk kepada orang yang **Anda** namakan di dalam **Jadual Sijil** yang dibenarkan memandu **Kereta Anda**. **Ekses** wajib sebanyak RM400 yang dinyatakan dalam Seksyen A2(g) tidak akan dikenakan jika **Kereta Anda** dipandu oleh **Pemandu Dinamakan** dengan syarat mereka mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis yang relevan dan tidak hilang kelayakan dari segi undang-undang untuk memandu atau kerana sebab-sebab lain dan adalah berumur lebih daripada 21 tahun pada masa **Kejadian**.

24. ***Pecah Amanah Jenayah***
Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 405 (Penal Code) seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana -mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "Pecah Amanah Jenayah".

25. ***Penipuan***
Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 415 (Penal Code) seperti berikut:
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:
    a. dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau
    b. dengan sengaja mendorong yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan “menipu.”

26. ***Sijil***
**Sijil** termasuk juga **Jadual**, **Sijil Takaful** dan semua **Endorsmen** yang disenaraikan secara khusus di dalam **Jadual Sijil.**

27. ***Sijil Takaful***
**Sijil** ini telah ditetapkan bentuknya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang **Kami** dikehendaki memberikannya kepada **Anda** dan ia menggariskan syarat–syarat yang tertakluk kepada **Sijil** yang dikeluarkan.

***28. Sistem Penilaian Pasaran***

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Persatuan Takaful Am Malaysia (PIAM) untuk menentukan **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa **Anda** membeli / memperbaharui **Sijil** ini dan juga pada masa kerugian berlaku. **Anda** boleh memilih untuk menggunakan penilaian yang disyorkan oleh sistem ini sebagai **Amaun Dilindungi** untuk mengelak akibat takaful terkurang seperti yang dihuraikan di dalam Seksyen A2e. Sebagai alternatif, **Anda** boleh memilih untuk menentukan **Amaun Dilindungi** sendiri tetapi **Anda** akan tertakluk kepada Seksyen A2e jika **Anda** mengalami takaful terkurang.

***29. Tempoh Perlindungan Takaful***

Ini merujuk kepada tempoh yang disebut di dalam **Jadual Sijil** bila perlindungan yang diberikan oleh **Sijil** ini berkuat kuasa. Perlindungan hanya sah dari waktu sebenar **Sijil** takaful dibeli atau dari masa **Anda** dan **Kami** bersetuju bila perlindungan patut bermula.

***30. Tindakan Keganasan***

Ini merujuk kepada sesuatu tindakan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang yang menggunakan kekerasan atau keganasan dan / atau ugutan kekerasan atau keganasan, sama ada bertindak secara sendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan dilakukan bagi tujuan atau sebab-sebab politik, agama, ideologi, bangsa atau bagi tujuan lain yang serupa, termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau untuk membuat orang awam, atau mana-mana pihak awam, berada dalam ketakutan.

***31. UNSC***

Ini merujuk kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Security Council).

## Seksyen G: Endorsmen – diguna pakai hanya jika nombor Endorsmen dicetak di dalam Jadual

*Berikut adalah senarai terma dan syarat tambahan (dikenali sebagai **Endorsmen**) yang **Kami** boleh kenakan terhadap **Anda** atau perlindungan pilihan yang ada yang **Anda** mungkin mahu perluaskan ke **Sijil** asas **Anda** dengan membayar caruman tambahan. Sila ambil perhatian bahawa hanya **Endorsmen** yang nombornya tercatat secara khusus di dalam **Jadual Sijil** akan diguna pakai oleh **Sijil** ini.*

**Endorsmen 1: Ekses Semua Tuntutan** (sila lihat halaman 4 untuk penerangan dan halaman 15 untuk takrif)

Amaun **Ekses** yang tercatat di **Jadual Sijil** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu **Kejadian**. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong **Ekses** ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong **Ekses** tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar **Ekses** itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.

**Kami** tidak akan memotong **Ekses** tersebut bagi kerugian atau kerosakan yang melibatkan tuntutan pihak ketiga.

**Endorsmen 1(a)**: **Ekses Sukarela** (Bukan Tarif)

Caruman **Anda** boleh dikurangkan, dengan memilih **Ekses** Sukarela sebagai tambahan kepada:

(i) **Ekses** Semua Tuntutan (Endorsmen 1) dan/atau

(ii) **Ekses** Wajib (Endorsmen 2(f)) yang boleh diterima pakai ke atas satu tuntutan. **Jadual Sijil Anda** mengandungi lebihan yang **Anda** bersetuju untuk tanggung sekiranya berlaku tuntutan.

**Ekses** Sukarela adalah di antara RM500 hingga RM5,000 dan akan terpakai bagi SEMUA TUNTUTAN kecuali tuntutan pihak ketiga. **Kami** tidak akan memotong **Ekses** Sukarela ini untuk kehilangan atau kerosakan yang berkenaan dengan tuntutan pihak ketiga.

**Endorsmen 3(q): Takaful Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian** (sila lihat halaman 2: “Apa yang Dilindungi?”)

Perlindungan yang **Anda** telah pilih untuk **Kereta Anda** disebut sebagai takaful ‘Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian’. Ini bermakna perlindungan yang diberikan terhadap **Kereta Anda** di bawah Seksyen A adalah terhad kepada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian sahaja. Atas sebab ini baki perlindungan yang masih di bawah Seksyen A1a adalah terbatal dan perlindungan Seksyen B diberikan kepada **Anda**.

**Endorsmen 15: Pembiayaan**

**Kami** mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi melalui Perjanjian Pembiayaan dengan syarikat Pembiayaan yang dinamakan di dalam **Jadual Sijil** sebagai Pembiaya. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan diberi kepada Pembiaya selagi mereka kekal menjadi pembiaya **Kereta Anda** pada masa berlakunya **Kejadian**. Akuan penerimaan daripada Pembiaya akan membebaskan **Kami** daripada sebarang tuntutan atau liabiliti selanjutnya berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** dianggap sebagai pihak prinsipal di bawah **Sijil** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pembiaya dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada Pembiaya. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.

**Endorsmen 15(a): Pinjaman Majikan**

**Kami** mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi di bawah perjanjian Pinjaman Majikan. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam **Jadual Sijil** selagi pinjaman itu belum dilunaskan pada masa **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada Majikan akan membebaskan **Kami** daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi **Kejadian** tersebut.

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti **Kami** / **Anda** di bawah **Sijil** ini tidak akan terjejas.

**Endorsmen 18: Risiko Berkadar Flit (Fleet Rated Risks) – Pembatalan 'Diskaun Tanpa Tuntutan'**

Oleh kerana manfaat Diskaun Flit diterima, fasal Diskaun Tanpa Tuntutan bagi **Sijil** ini dibatalkan.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

**Endorsmen 22: Karavan / Bagasi / Treler Bot**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, perlindungan Takaful di bawah **Sijil** ini bersetuju melindungi Karavan, Bagasi atau Treler Bot yang butirannya dinyatakan dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 22**' semasa digunakan bersama-sama dengan **Kereta Anda.**

Endorsmen ini tidak melindungi:

a. liabiliti di sisi undang-undang bagi kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana penumpang di dalam Karavan / Bagasi / Treler Bot tersebut kecuali orang itu sedang dibawa atas sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya;
b. kerugian atau kerosakan terhadap kandungan atau apa jua yang dibawa di dalam Karavan / Bagasi / Treler Bot tersebut; dan
c. kerugian atau kerosakan terhadap Bot yang dibawa oleh Treler tersebut.

Amaun maksimum yang **Kami** tanggung bagi kerugian atau kerosakan terhadap Karavan / Bagasi / Treler Bot tersebut di bawah Seksyen A untuk endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 22**'.

**Endorsmen 24(c): Ujian Keutuhan, Pertandingan dsb.**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah **Sijil** ini melindungi **Kereta Anda** semasa ia digunakan *untuk [nyatakan sama ada ujian keutuhan, pertandingan]* yang akan diadakan di *[nyatakan tempat / lokasi]* pada *[nyatakan tarikh]* yang dianjurkan oleh *[nyatakan nama penganjur]* termasuk latihan rasmi yang rasmi yang dikendalikan bagi acara tersebut.

**Endorsmen 25: Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** disebabkan oleh:

a. perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang menyokong suatu mogok atau menentang sekat-masuk;
b. perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak); dan
c. tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana-mana gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat gangguan tersebut.

Endorsmen ini tidak melindungi:

a. perang saudara, peperangan, pencerobohan atau perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak);
b. revolusi, pemberontakan atau kekecohan awam yang mencapai tahap kebangkitan awam; dan
c. **Tindakan Keganasan.**

Endorsmen ini juga tidak melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh atau yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul dari atau yang berkaitan dengan pengecualian yang dinyatakan di atas.

**Endorsmen 57: Perlindungan Tambahan Bencana Khas**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.

**Endorsmen 72: Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen B **Sijil** ini termasuk liabiliti di sisi undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang itu:

a. tidak memandu **Kereta Anda**;
b. tidak layak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana **Sijil** takaful yang lain; dan
c. mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini seolah-olah dia adalah **Anda**.

Endorsmen ini tidak melindungi:

a. kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja dengan **Anda** atau penumpang, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya;
b. kerosakan harta kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau penumpang atau ketika dibawa di dalam **Kereta Anda**; dan / atau
c. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** dalam masa yang sama.

**Endorsmen 87: Fasal Nilai Dipersetujui**

Nilai Dipersetujui yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** adalah amaun maksimum yang **Kami** akan bayar untuk **Kereta Anda**, setelah ditolak sebarang **Ekses** (jika berkaitan) sekiranya **Kereta Anda** dicuri atau musnah sama sekali.

**Kami** dan **Anda** telah bersetuju semasa **Sijil** ini mula berkuat kuasa supaya nilai ini digunakan sebagai asas penyelesaian dengan syarat **Kami** bertanggungjawab membayar kerugian atau kemusnahan itu di bawah terma dan syarat **Sijil** ini. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian berlaku tidak akan diambil kira.

**Endorsmen 89: Perlindungan untuk Cermin Depan / Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kos menggantikan atau membaiki mana-mana kaca pada cermin depan, tingkap atau bumbung matahari **Kereta Anda** yang pecah secara tidak sengaja termasuk kos laminasi / lapisan penintaan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain dibuat bagi **Kejadian** ini. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini adalah amaun yang disebut di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 89**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk kaca cermin yang pecah sahaja dan bukan kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Jika cermin yang pecah diganti, perlindungan yang diberikan oleh endorsmen ini akan tamat sebaik sahaja kaca itu digantikan. Jika **Anda** ingin mendapatkan perlindungan berterusan **Anda** dikehendaki membayar caruman tambahan kepada **Kami.**

Sebaliknya jika kaca yang pecah diperbaiki perlindungan ini akan terus berkuat kuasa tetapi dengan amaun perlindungan yang berkurangan setelah ditolak kos untuk membaikinya. Untuk mengembalikan semula amaun perlindungan ini ke had yang asal **Anda** dikehendaki membayar caruman tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan tambahan tersebut.

**Kami** mempunyai kata putus sama ada kaca yang pecah itu diperbaiki atau digantikan.

**Endorsmen 89(a): Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari – Penambahbaikan (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kos menggantikan atau membaiki mana-mana kaca pada cermin depan, cermin tingkap atau bumbung matahari **Kereta Anda** yang pecah secara tidak sengaja termasuk kos laminasi / lapisan penintaan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain dibuat bagi **Kejadian** ini. Amaun maksimum yang akan dibayar di bawah endorsmen ini adalah amaun yang disebut di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 89(a)**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk cermin kaca yang pecah sahaja dan bukan kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan kehilangan kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda.**

Jika cermin kaca yang rosak sama ada diganti atau dibaiki, perlindungan ini akan diteruskan tetapi had amaun yang perlu dibayar akan dikurangkan dengan jumlah kos ganti atau pembaikan. Untuk mengembalikan perlindungan ke had asal **Anda** harus membayar caruman pro-rata tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan tambahan tersebut.

Amaun maksimum yang **Kami** bayar bagi endorsmen ini tidak akan berubah jika kerosakan cermin kaca yang dibaiki dan jumlah kos membaiki adalah kurang daripada 30% baki yang tinggal, untuk pertama kali sahaja sepanjang tempoh **Sijil**.

**Endorsmen 95: Perjanjian Pajakan**

**Kami** mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi di bawah Perjanjian Pajakan dengan syarikat Pajakan yang dinamakan dalam **Jadual Sijil** sebagai Pemberi Pajak. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa bayaran tunai yang **Kami** bayar bagi sebarang tuntutan di bawah Seksyen A akan dibuat kepada Pemberi Pajak selagi perjanjian Pajakan itu masih sah pada masa berlakunya **Kejadian** itu. Akuan penerimaan dari Pemberi Pajak akan membebaskan **Kami** sepenuhnya daripada tuntutan liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** adalah pihak prinsipal di bawah **Sijil** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada Pemberi Pajak. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.

**Endorsmen 97: Perlindungan Berasingan Bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi **Aksesori** bukan piawaian yang butirannya dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 97**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk **Aksesori** sahaja dan bukan untuk kerosakan lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Perlindungan ini akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk mengembalikan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar caruman tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan ini diperbaharui.

**Endorsmen 97(a): Peralatan Penukaran Gas dan Tangki**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Peralatan Penukaran Gas dan Tangki **Kereta Anda** sebagai item berasingan dengan syarat ia dipasang oleh pemasang yang bertauliah. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 97(a)**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah hanya untuk Peralatan Penukaran Gas dan Tangki sahaja dan bukan untuk kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Perlindungan akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk memulihkan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar caruman tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan ini diperbaharui.

**Endorsmen 100: Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** akan mengganti rugi liabiliti **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** terhadap mana-mana penumpang yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali bagi:

a. kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana penumpang yang dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang;
b. kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan**;
c. kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan**;
d. liabiliti kepada mana-mana orang yang juga **Ahli Keluarga Anda** dan / atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** yang menjadi penumpang di dalam atau di atas **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau majikannya;
e. liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda**;
f. apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda** sama ada dibenarkan atau tidak;
g. apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan / atau
h. semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam**.**

**Syarat Perlindungan**

Jika semasa berlakunya **Kejadian** yang membawa kepada tuntutan di bawah endorsmen ini, **Kereta Anda** membawa penumpang lebih daripada bilangan had maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, perlindungan akan dihadkan kepada bilangan penumpang yang dinyatakan pada kenderaan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Jika bilangan penumpang yang dibawa di dalam kenderaan semasa berlakunya suatu **Kejadian** itu lebih daripada bilangan maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, **Kami** tidak akan membayar tuntutan mereka secara penuh. Sebarang bayaran yang **Kami** buat kepada orang yang membuat tuntutan di bawah endorsmen ini akan dibahagikan mengikut kadar berkurangan dengan nisbah bilangan penumpang maksimum dibenarkan oleh undang-undang ke atas jumlah sebenar penumpang yang dibawa pada masa **Kejadian**. Perbezaan di antara jumlah yang **Kami** bayar dan tuntutan yang akan dibayar kepada setiap penumpang yang dilindungi yang membuat tuntutan di bawah endorsmen ini akan ditanggung oleh **Anda / Pemandu Dibenarkan**. Bahagian yang **Kami** bayar akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah penumpang dibenarkan oleh undang-undang}}{\text{Bilangan sebenar penumpang yang dibawa ketika \textbf{Kejadian}}} \times \text{Jumlah tuntutan Diberikan}$$

**Endorsmen 101: Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A dan B1(a)(ii) **Sijil** ini akan melindungi **Kereta Anda** semasa digunakan di Negara Thailand berkuat kuasa dari masa perlindungan tersebut dibeli pada [*nyatakan tarikh]* hingga tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia / pada *[nyatakan tarikh]*. Had liabiliti yang **Kami** berikan di bawah Seksyen B1(a)(ii) adalah sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100,000 sahaja.

Endorsmen ini tidak melindungi liabiliti dari segi undang-undang di bawah Seksyen B1(a)(i) semasa **Kereta Anda** digunakan di Negara Thailand.

**Endorsmen 102: Perluasan Perlindungan ke Kalimantan**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah buat kepada **Kami** kawasan geografi **Sijil** ini diperluas untuk meliputi Kalimantan berkuat kuasa dari__________________pagi / petang / malam pada [*nyatakan tarikh*] hingga ke tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia) pada [*nyatakan tarikh*] tertakluk pada had liabiliti sebanyak RM50,000 di bawah Bahagian B1(a)(i) dan B1(b)(ii).

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

**Endorsmen 105: Had Liabiliti bagi Kerosakan Harta Pihak Ketiga**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju untuk menambah had liabiliti yang diberikan di bawah Seksyen B2(ii) **Sijil** sehingga RM *[nyatakan had baharu]* berkuat kuasa dari *[nyatakan tarikh]*.

Had liabiliti yang melebihi RM3 juta sehingga RM20 juta adalah dibenarkan tertakluk kepada caruman tambahan yang dinyatakan seperti di bawah:

**Had Liabiliti Kerosakan Harta Pihak Ketiga**

| | | |
|---|---|---|
| Dari RM3 juta sehingga RM4 juta | - | 15% dari Caruman Pihak Ketiga |
| Sehingga RM6 juta | - | 30% dari Caruman Pihak Ketiga |
| Sehingga RM10 juta | - | 45% dari Caruman Pihak Ketiga |
| Sehingga RM20 juta | - | 60% dari Caruman Pihak Ketiga |

**Endorsmen 109: Perluasan Perlindungan Transit Feri ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** semasa dalam transit ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Anda** mesti menanggung 1% pertama dari **Amaun Dilindungi** atau RM500 (yang mana yang lebih tinggi) bagi setiap tuntutan yang timbul dari satu transit bagi setiap tuntutan yang mesti dibayar di bawah endorsmen ini. **Kami** berhak memotong amaun ini di samping **Ekses** yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** ini.

**Endorsmen 111: Pampasan "Diskaun Tanpa Tuntutan" Tahun Semasa (diguna pakai hanya bagi Sijil Komprehensif Kereta Persendirian)**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju membayar balik Diskaun Tanpa Tuntutan yang **Anda** telah hilang kerana membuat tuntutan di bawah **Sijil** ini. Amaun yang **Kami** akan bayar balik adalah sama dengan peratus kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan yang ditunjukkan di dalam **Jadual Sijil** ini bagi **Tempoh Perlindungan Takaful** semasa.

Perlindungan yang diberikan di bawah endorsmen ini akan tamat secara automatik apabila:

a. **Kami** membuat bayaran bagi sesuatu tuntutan di bawah endorsmen ini;
b. pemilikan **Sijil** ini dipindahkan ke pihak yang lain; atau
c. **Anda** menarik balik kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** daripada **Sijil** ini.

**Kami** tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika perlindungan di bawah endorsmen ini ditamatkan seperti yang tersebut di atas atau **Anda** telah membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

**Endorsmen 112: Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** akan membayar pampasan bagi jumlah hari yang **Kami** anggarkan diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** di bawah Seksyen A **Sijil** ini ('tempoh pembaikan yang dianggarkan'). **Kami** bersetuju bahawa bayaran akan didasarkan pada tempoh pembaikan yang dianggarkan oleh **Ajuster** atau amaun maksimum yang diberikan di dalam **Jadual Sijil** atau yang mana lebih rendah.

Kadar maksimum bagi setiap hari dan jumlah hari maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini terhad kepada jumlah yang disebutkan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 112**'.

**Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** bagi setiap tuntutan yang **Kami** setuju untuk bayar di bawah endorsmen ini dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda.**

**Kami** tidak akan membayar:

a. jika tuntutan **Anda** hanya untuk cermin pecah yang boleh dibayar di bawah **Endorsmen 89** atau **Endorsmen 89(a);**
b. untuk sebarang kelewatan dari segi tempoh masa yang diambil untuk membaiki **Kereta Anda** (lebih dari tempoh anggaran pembaikan) atas apa juga sebab sekali pun. Keputusan muktamad tentang tempoh masa yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** akan ditentukan oleh **Kami** tanpa mengira sama ada tuntutan **Anda** dikemukakan secara terus kepada **Kami** atau terhadap pihak ketiga;
c. jika tuntutan **Anda** adalah untuk kecurian atau kerugian sepenuhnya **Kereta Anda**; atau
d. jika tuntutan **Anda** di dalam proses BER.

**Kami** tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika **Anda** membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

**Endorsmen 113: Rujukan untuk Sistem Penilaian Pasaran Kenderaan Bermotor**

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) untuk menentukan **Amaun Dilindungi Kereta Anda** pada masa **Anda** menyertai / memperbaharui **Sijil** dan juga pada masa berlakunya kerugian tersebut.

Apabila tuntutan dibuat, **Nilai Pasaran Kereta Anda** akan ditentukan oleh ISM Automotive Business Intelligence System (ISM-ABI) dan nilai ini akan diterima sebagai kos pembelian kereta gantian yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya pada masa kerugian berlaku.

Jika tidak ada **Nilai Pasaran** daripada ISM-ABI bagi **Kereta Anda**, **Nilai Pasaran Kereta** itu akan ditentukan oleh **Ajuster**, yang dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang dibuat oleh ISM-ABI atau **Ajuster** adalah muktamad berkaitan dengan **Nilai Pasaran Kereta Anda** di dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap **Kami**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

**Endorsmen 200: Asas Kemalangan Diri (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan bagi caruman tambahan yang **Anda** buat kepada **Kami** untuk pengesahan ini, **Kami** akan membuat amaun seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil** jika **Anda/Pemandu/Penumpang** mengalami kecederaan semasa dalam perjalanan dalam **Kereta** yang mengakibatkan kematian dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan.

**Jika Kecederaan Anggota** tidak menyebabkan kematian dalam masa 12 bulan dari berlakunya kemalangan tetapi mengakibatkan sebarang kerugian berikut dalam tempoh 12 bulan tersebut, yang mana berlaku dahulu, **Kami** akan membuat sehingga amaun seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** bagi*:*

- Kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal.
- Apa-apa kecederaan lain yang menyebabkan **Kurang Upaya Kekal**
- Kehilangan penglihatan pada sebelah mata.
- Kehilangan anggota fizikal oleh satu tangan atau satu kaki.

**Kami** tidak akan membuat lebih daripada 100% daripada jumlah asas yang dicarumkan bagi setiap seorang seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil**. **Kami** akan membuat Peserta atau Wakil Sah Peserta dengan jumlah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil***.*

Jumlah maksimum yang boleh dibuat bagi mana-mana satu **Tempoh Perlindungan Takaful** tidak boleh melebihi kapasiti tempat duduk seperti yang dinyatakan dalam **Sijil**. Apabila berlakunya kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan, pengendorsan ini hendaklah terhenti berkuat kuasa*.*

**<u>Keadaan Perlindungan</u>**

Jika pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, **Kereta Anda** sedang membawa penumpang yang melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti **Kami** adalah terhad kepada jumlah penumpang yang ditetapkan untuk kenderaan seperti yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan.

Jika bilangan penumpang yang dibawa pada masa berlakunya kemalangan adalah lebih daripada bilangan maksimum yang dibenarkan di dalam kenderaan itu oleh undang-undang, **Kami** tidak akan membuat tuntutan mereka sepenuhnya. Apa-apa bayaran **Kami** membuat kepada mana-mana pihak yang menuntut di bawah pengendorsan ini akan dibahagikan mengikut kadar dikurangkan dalam nisbah jumlah maksimum yang dibenarkan secara sah penumpang sah atas jumlah sebenar penumpang yang dibawa, pada masa kemalangan. Peratusan **Kami** membuat hendaklah dikira mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah penumpang yang dibenarkan oleh undang-undang}}{\text{Bilangan sebenar penumpang yang dibawa semasa } \textbf{Kejadian}} \times \text{Jumlah Tuntutan Diberikan}$$

**Kecederaan Badan** bermaksud **Kecederaan Fizikal** yang dialami dalam kemalangan secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain*.*

**Kehilangan Upaya Menyeluruh Kekal** adalah bermaksud hilang upaya yang diakibatkan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain dari kecederaan dan yang berlaku dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut akan kemungkinan sepenuhnya menghalang seseorang daripada terlibat dalam pekerjaan mana-mana dan setiap jenis untuk baki kehidupan beliau dan yang tidak ada harapan untuk pulih*.*

**Kami** tidak akan membuat jika berlaku kematian, hilang upaya, kecederaan atau kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh*:*

a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, mencederakan diri sendiri, bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) atau sebarang percubaan, yang dicetuskan, pendedahan sengaja kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), **Anda/Pemandu/Penumpang** perbuatan jenayah, mabuk, dadah atau kegilaan dan sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah ini, **Anda** hendaklah membuktikan bahawa tuntutan itu timbul berasingan daripada dan sama sekali tidak berkaitan dengan atau disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada mana-mana keadaan yang tersebut atau mana-mana akibat daripadanya dan jika gagal dibuktikan, **Kami** tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa buatan berkenaan dengan tuntutan*;*

b) kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada, apa jua bentuk sawan, penyakit atau keuzuran dalam sebarang bentuk*;*

c) kelahiran, keguguran, pengguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang berkaitan kecuali disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada **Anda/Pemandu/Penumpang** semasa memandu, menumpang, turun atau menaiki **Kereta Anda**;

d) radiasi atau pencemaran radio-aktiviti mengion daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear;
e) kepada mana-mana orang semasa kenderaan digunakan untuk sewa, perlumbaan, rali jalan raya, kadar-pembuatan, ujian kelajuan atau digunakan bagi apa-apa tujuan yang berkaitan dengan perdagangan;
f) semasa kenderaan digunakan untuk perniagaan haram sebagai pengangkutan umum tidak berlesen.

**Endorsmen 202: Tunda dan Pembersihan Kerosakan Akibat Banjir (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan bagi caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** untuk pengesahan ini, **Kami** bersetuju bahawa sekiranya **Kereta Anda** mengalami kerosakan disebabkan oleh air akibat banjir, banjir kilat, limpahan jalan air, longkang atau sungai atau kegelinciran lumpur yang memerlukan penundaan dan pembersihan, **Kereta Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan sebenar bagi kerja penundaan dan pembersihan **Kereta Anda** sehingga had maksima seperti yang tertera di **Jadual Sijil** semasa **Tempoh Perlindungan Takaful.** Perlindungan ini adalah terhad kepada satu (1) tuntutan dalam setiap **Tempoh Perlindungan Takaful**.

Perlindungan ini tidak dipakai untuk:

a) kos penggantian bahagian **Kereta**, permaidani, upholsteri, meliputi tempat duduk dan sebagainya
b) baik pulih enjin, transmisi atau lain-lain bahagian-bahagian mekanikal atau elektrik

**Anda** mesti menyediakan satu (1) salinan laporan polis mengenai **Kejadian** dan resit asal bagi perbelanjaan yang telah ditanggung serta semua gambar **Kereta** sebelum dan selepas penundaan dan kerja-kerja pembersihan kepada **Kami**.

**Endorsmen 203: Penggantian Kunci (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan bagi caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** untuk pengesahan ini, jika kunci **Anda** telah dicuri dan / atau hilang, **Kami** akan membayar semula 80% daripada kos untuk penggantian kunci sehingga jumlah maksimum seperti tercatat di dalam **Sijil** dan terhad kepada satu tuntutan dalam setiap **Tempoh Perlindungan Takaful**. **Anda** mesti menyediakan satu (1) salinan laporan polis mengenai **Kejadian** dan resit asal bagi perbelanjaan yang telah ditanggung.

**Endorsmen 207: Pengecualian Penambahbaikan (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** untuk pengesahan ini, **Kami** bersetuju bahawa **Anda** tidak perlu menyumbangkan apa-apa jumlah ke arah pembaikan **Kereta Anda** jika bahagian asal yang baru digunakan untuk membaiki **Kereta Anda** dengan syarat bahawa umur **Kereta Anda** tidak boleh kurang dari lima (5) tahun dan tidak lebih dari lima belas (15) tahun (untuk tujuan menentukan umur **Kereta Anda**, sila rujuk Bahagian A2 (f) **Sijil** ini). Perlindungan ini akan ditamatkan secara automatik apabila tuntutan di bawah **Endorsmen** ini selesai. Jika **Anda** ingin menikmati perlindungan yang berterusan **Anda** perlu membeli perlindungan **Endorsmen** baru dan membayar caruman tambahan kepada **Kami**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

**Endorsmen 221: E-Hailing Kereta Sewa Persendirian (untuk Sijil Kereta Persendirian Komprehensif sahaja) (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Sijil** ini akan memberikan lima (5) jenis perlindungan kepada "Perlindungan Lanjutan Tambahan" ketika **Kereta** berada dalam **Panggilan** semasa menyediakan **Perkhidmatan E-Hailing**, tertakluk kepada takrif, terma, syarat dan pengecualian seperti yang dinyatakan dalam endorsmen ini:

i. Kerugian atau Kerosakan ke atas **Kereta** Sendiri (seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** di bawah Seksyen A)
ii. Liabiliti kepada Pihak Ketiga (seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** di bawah Seksyen B).
iii. Liabiliti Undang-Undang kepada Penumpang Berbayar.
iv. Liabiliti Undang-Undang kepada Penumpang Berbayar kerana Kecuaian.
v. Perlindungan Kemalangan Diri untuk Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan.

<u>**Perlindungan Tambahan**</u>

i. **Kerugian atau Kerosakan keatas Kereta Anda Sendiri**
Perlindungan untuk Kerugian atau Kerosakan untuk **Kereta** Sendiri mematuhi terma dan syarat yang disediakan di bawah Seksyen A dengan pengecualian diketepikan semasa **Kereta** dalam **Panggilan**.

ii. **Liabiliti kepada Pihak Ketiga**
Perlindungan untuk Liabiliti kepada Pihak Ketiga mematuhi terma dan syarat yang disediakan di bawah Seksyen B dengan pengecualian diketepikan semasa **Kereta** dalam **Panggilan**.

iii. **Liabiliti Undang-undang Penumpang kepada Penumpang Berbayar**
**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** atau **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** oleh **Anda** iaitu liabiliti kepada mana-mana **Penumpang Berbayar** yang dibawa naik atau turun dari **Kereta** semasa dalam **Panggilan** kecuali untuk:

a) kematian atau **Kecederaan Anggota Badan** kepada mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan itu timbul daripada dan semasa menjadi pekerja **Anda** atau oleh **Pemandu yang Dibenarkan oleh Anda**;
b) kerosakan kepada harta yang dimiliki oleh atau dalam jagaan atau kawalan atau diamanahkan oleh **Anda** atau **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** dan / atau mana-mana ahli keluarga **Anda** atau **Kepunyaan Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan oleh Anda,** kecuali barangan yang sedang dibawa menggunakan **Perkhidmatan E-Hailing**;
c) apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap sesiapa di mana-mana negara di mahkamah di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan
d) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak ditanggung atau boleh didapatkan semula di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam; dan
e) semua liabiliti yang timbul daripada apa-apa serangan, pukulan, rompakan, bantuan perubatan yang diberikan dalam kecemasan dan / atau apa-apa kelewatan yang disebabkan atau disumbangkan oleh **Anda** atau **Pemandu;**

f) **E-Hailing yang Dibenarkan oleh Anda**; semua liabiliti yang disebabkan atau disumbangkan oleh **Penyedia Perkhidmatan E-Hailing** dan / atau kegagalan **Aplikasi E-Hailing**; dan
g) kerugian berbangkit yang timbul daripada mana-mana di atas;
h) sebarang tuntutan yang dibawa kepada **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda**, sama ada dibenarkan atau tidak.

iv. **Liabiliti Undang-Undang Penumpang Berbayar kerana Kecuaian**

**Kami** bersetuju bahawa takaful yang diperuntukkan di bawah Seksyen B akan memasukkan liabiliti undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang semasa perjalanannya sebagai **Penumpang Berbayar** di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang:

a) tidak memandu **Kereta Anda**;
b) tidak berhak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana sijil takaful/polisi insurans lain; dan
c) mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini seolah-olah dia adalah **Anda.**

**Kami** tidak akan melindungi:

a) kematian atau **Kecederaan Anggota Badan** kepada mana-mana orang yang diambil bekerja oleh **Anda** atau penumpang, dan yang mati atau cedera semasa pekerjaan itu;
b) kerosakan kepada mana-mana harta milik atau di dalam amanah atau dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau penumpang atau yang sedang dibawa dalam **Kereta Anda**; dan / atau
c) kematian atau kecederaan anggota badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang yang lain di dalam **Kereta Anda** pada masa yang.

v. **Perlindungan Kemalangan Diri untuk Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan**

**Kami** akan membayar jumlah seperti yang tertera di bawah jika **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** mengalami **Kecederaan** Anggota Badan ketika berada dalam **Semasa Panggilan** yang mengakibatkan mana-mana **Kejadian** berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan, yang mana berlaku dahulu:

| **Kejadian** | **Jumlah (RM)** |
|---|---|
| 1. Kematian | 50,000 |
| 2. Hilang Upaya Kekal<br>- Kecederaan yang mengakibatkan menjadi terlantar kekal di atas katil.<br>- Mana-mana kecederaan lain yang menyebabkan **Hilang Upaya Keseluruhan Kekal** akibat dari kemalangan**.**<br>- Kehilangan penglihatan dan tidak dapat dipulihkan dalam satu mata.<br>- Jumlah kehilangan penggunaan atau pemisahan fizikal satu tangan atau satu kaki. | 50,000 |
| 3. Manfaat Mingguan | RM 50 seminggu sehingga maksimum 26 minggu berturut-turut |

Dengan syarat selalu bahawa:

a) Jika **Anda** mengalami **Kecederaan Anggota Badan** yang mengakibatkan lebih daripada satu (1) **Kejadian** yang disenaraikan di atas, **Kami** hanya akan membayar untuk satu (1) **Kejadian**. Jumlah liabiliti **Kami** tidak melebihi RM 50,000 dalam mana-mana satu (1) **Tempoh Perlindungan Takaful**.
b) Manfaat Mingguan akan dibayar jika **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** mengalami kecacatan keseluruhan yang menghalangnya daripada melakukan mana-mana bahagian pekerjaan, profesion atau perniagaannya yang biasa untuk jangka masa yang berterusan dan berpanjangan.
c) Tiada pampasan yang akan dibayar jika **Kecederaan Anggota Badan** secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan diri sendiri, bunuh diri (sama ada berkaitan dengan feloni atau tidak) atau sebarang percubaan yang sama, menimbulkan serangan, pendedahan yang sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), gila, apa-apa kecacatan atau kelemahan fizikal yang sedia ada, dalam apa jua bentuk, sebarang jenis penyakit dan kehamilan.
d) Tiada pampasan yang akan dibayar jika **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** tidak diberi kuasa oleh **Anda**.

**Syarat Perlindungan**

1. Sebarang sekatan yang berkaitan dengan **Sewaan Peribadi** seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** ini dibatalkan apabila endorsmen ini berkuatkuasa.
2. Tiada pemulangan caruman dibenarkan untuk pembatalan endorsmen ini.
3. Tarikh mula dan tarikh luput endorsmen ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual.**

**Takrif**

1. **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** hendaklah merujuk kepada mana-mana pemandu yang didaftarkan dan dilesenkan dengan **APAD** dan / atau **CVLB** dan diberi kuasa oleh **Penyedia Perkhidmatan E-Hailing** untuk tujuan melaksanakan **Perkhidmatan E-Hailing** menggunakan **Kereta** ini dan dengan izin **Anda** untuk berbuat demikian.
2. **Kecederaan Anggota Badan** hendaklah merujuk kepada kecederaan anggota badan yang ditanggung akibat dari kemalangan secara langsung dan bebas dari semua sebab lain.
3. **CVLB** hendaklah merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan di Malaysia Timur untuk kenderaan perkhidmatan awam, iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.
4. **Aplikasi E-Hailing** adalah merujuk kepada aplikasi mudah alih elektronik yang disediakan oleh perniagaan pengantaraan.
5. **Perkhidmatan E-Hailing** merujuk kepada perniagaan yang sah seperti yang dilesenkan oleh **APAD** dan / atau **CVLB** yang membawa penumpang dalam **Kereta** persendirian untuk bayaran yang ditetapkan melalui **Aplikasi E-Hailing**. Penerangan mengenai **Perkhidmatan E-Hailing** dan **Sewaan Peribadi** adalah sinonim dan digunakan dalam konteks.
6. **Penumpang Berbayar** hendaklah merujuk kepada penumpang yang membayar tambang yang akan dibawa di dalam **Kereta** yang menggunakan panggilan **Perkhidmatan E-Hailing** bersama-sama dengan orang yang bersama mereka dalam perjalanan yang sama.

7. **Dalam Panggilan** merujuk kepada tempoh di antara titik log **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** masuk ke **Aplikasi E-Hailing**, sehingga*:*
   i. **Penumpang Berbayar** terakhir dalam perjalanan terakhir telah turun sepenuhnya atau turun dari **Kereta E-Hailing**, atau
   ii. apabila perjalanan terakhir di **Aplikasi E-Hailing** telah berakhir atau telah dibatalkan melalui **Aplikasi E-Hailing**, atau
   iii. apabila **Pemandu E-Hailing** keluar dari **Aplikasi E-Hailing** (iaitu **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** tidak lagi menyediakan khidmat **Sewaan Peribadi** atau tidak menawarkan perjalanan e-hailing

   mana-mana satu yang berlaku kemudian.
8. **Hilang Keseluruhan Upaya Kekal** merujuk kepada hilang upaya secara langsung dan bebas dari semua sebab lain dari **Kecederaan Anggota Badan** dan yang berlaku dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut, terdapat kebarangkalian menghalang sepenuhnya **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** terlibat dalam apa-apa dan semua jenis pekerjaan sepanjang hidupnya dan tiada harapan untuk pulih.
9. **Sewaan Peribadi** hendaklah merujuk kepada lesen yang diberikan oleh **APAD** dan / atau **CVLB** yang membenarkan **Kereta** persendirian digunakan untuk perniagaan pengangkutan penumpang dengan bayaran di bawah **Perkhidmatan E-Hailing.**
10. **APAD** merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan untuk kenderaan perkhidmatan awam, iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat (juga dikenali sebagai Agensi Pengangkutan Awam Darat).

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

**Endorsmen 221A: E-Hailing Kereta Sewa Persendirian – Harian (untuk Sijil Kereta Persendirian Komprehensif sahaja) (Bukan Tarif)**

Sebagai balasan terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Sijil** ini akan memberikan lima (5) jenis perlindungan kepada "Perlindungan Lanjutan Tambahan" ketika **Kereta** berada dalam **Panggilan** semasa menyediakan **Perkhidmatan E-Hailing**, tertakluk kepada takrif, terma, syarat dan pengecualian seperti yang dinyatakan dalam endorsmen ini:

i. Kerugian atau Kerosakan ke atas **Kereta** Sendiri (seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** di bawah Seksyen A).
ii. Liabiliti kepada Pihak Ketiga (seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** di bawah Seksyen B).
iii. Liabiliti Undang-Undang kepada Penumpang Berbayar.
iv. Liabiliti Undang-Undang kepada Penumpang Berbayar kerana Kecuaian.
v. Perlindungan Kemalangan Diri untuk Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan.

<u>Perlindungan Tambahan</u>

i. **Kerugian atau Kerosakan keatas Kereta Anda Sendiri**
   Perlindungan untuk Kerugian atau Kerosakan untuk **Kereta** Sendiri mematuhi terma dan syarat yang disediakan di bawah Seksyen A dengan pengecualian diketepikan semasa **Kereta** dalam **Panggilan**.

ii. **Liabiliti kepada Pihak Ketiga**
   Perlindungan untuk Liabiliti kepada Pihak Ketiga mematuhi terma dan syarat yang disediakan di bawah Seksyen B dengan pengecualian diketepikan semasa **Kereta** dalam **Panggilan**.

iii. **Liabiliti Undang-undang Penumpang kepada Penumpang Berbayar**
   **Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** atau **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** oleh **Anda** iaitu liabiliti kepada mana-mana **Penumpang Berbayar** yang dibawa naik atau turun dari **Kereta** semasa dalam **Panggilan** kecuali untuk*:*
   a) kematian atau **Kecederaan Anggota Badan** kepada mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan itu timbul daripada dan semasa menjadi pekerja **Anda** atau oleh **Pemandu yang Dibenarkan oleh Anda***;*
   b) kerosakan kepada harta yang dimiliki oleh atau dalam jagaan atau kawalan atau diamanahkan oleh **Anda** atau **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** dan / atau mana-mana ahli keluarga **Anda** atau **Kepunyaan Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan oleh Anda,** kecuali barangan yang sedang dibawa menggunakan **Perkhidmatan E-Hailing**;
   c) apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap sesiapa di mana-mana negara di mahkamah di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan
   d) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak ditanggung atau boleh didapatkan semula di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam; dan
   e) semua liabiliti yang timbul daripada apa-apa serangan, pukulan, rompakan, bantuan perubatan yang diberikan dalam kecemasan dan / atau apa-apa kelewatan yang disebabkan atau disumbangkan oleh **Anda** atau **Pemandu;**
   f) **E-Hailing yang Dibenarkan oleh Anda**; semua liabiliti yang disebabkan atau disumbangkan oleh **Penyedia Perkhidmatan E-Hailing** dan / atau kegagalan **Aplikasi E-Hailing**; dan
   g) kerugian berbangkit yang timbul daripada mana-mana di atas;
   h) sebarang tuntutan yang dibawa kepada **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda**, sama ada dibenarkan atau tidak.

iv. **Liabiliti Undang-Undang Penumpang Berbayar kerana Kecuaian**
   **Kami** bersetuju bahawa takaful yang diperuntukkan di bawah Seksyen B akan memasukkan liabiliti undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang semasa perjalanannya sebagai **Penumpang Berbayar** di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang:
   a) tidak memandu **Kereta Anda**;
   b) tidak berhak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana sijil takaful/polisi insurans lain; dan
   c) mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini seolah-olah dia adalah **Anda.**

   **Kami** tidak akan melindungi:
   a) kematian atau **Kecederaan Anggota Badan** kepada mana-mana orang yang diambil bekerja oleh **Anda** atau penumpang, dan yang mati atau cedera semasa pekerjaan itu.*;*
   b) kerosakan kepada mana-mana harta milik atau di dalam amanah atau dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau penumpang atau yang sedang dibawa dalam **Kereta Anda**; dan / atau
   c) kematian atau kecederaan anggota badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang yang lain di dalam **Kereta Anda** pada masa yang.

v. **Perlindungan Kemalangan Diri untuk Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan**

**Kami** akan membayar jumlah seperti yang tertera di bawah jika **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** mengalami **Kecederaan Anggota Badan** ketika berada dalam **Semasa Panggilan** yang mengakibatkan mana-mana **Kejadian** berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan, yang mana berlaku dahulu:

| **Kejadian** | **Jumlah (RM)** |
|---|---|
| 1. Kematian | 50,000 |
| 2. Hilang Upaya Kekal<br>- Kecederaan yang mengakibatkan menjadi terlantar kekal di atas katil.<br>- Mana-mana kecederaan lain yang menyebabkan **Hilang Upaya Keseluruhan Kekal** akibat dari kemalangan**.**<br>- Kehilangan penglihatan dan tidak dapat dipulihkan dalam satu mata.<br>- Jumlah kehilangan penggunaan atau pemisahan fizikal satu tangan atau satu kaki. | 50,000 |
| 3. Manfaat Mingguan | RM 50 seminggu sehingga maksimum 26 minggu berturut-turut |

Dengan syarat selalu bahawa:

a) Jika **Anda** mengalami **Kecederaan Anggota Badan** yang mengakibatkan lebih daripada satu (1) **Kejadian** yang disenaraikan di atas, **Kami** hanya akan membayar untuk satu (1) **Kejadian**. Jumlah liabiliti **Kami** tidak melebihi RM 50,000 dalam mana-mana satu (1) **Tempoh Perlindungan Takaful**.

b) Manfaat Mingguan akan dibayar jika **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** mengalami kecacatan keseluruhan yang menghalangnya daripada melakukan mana-mana bahagian pekerjaan, profesion atau perniagaannya yang biasa untuk jangka masa yang berterusan dan berpanjangan.

c) Tiada pampasan yang akan dibayar jika **Kecederaan Anggota Badan** secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan diri sendiri, bunuh diri (sama ada berkaitan dengan feloni atau tidak) atau sebarang percubaan yang sama, menimbulkan serangan, pendedahan yang sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), gila, apa-apa kecacatan atau kelemahan fizikal yang sedia ada, dalam apa jua bentuk, sebarang jenis penyakit dan kehamilan.

d) Tiada pampasan yang akan dibayar jika **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** tidak diberi kuasa oleh **Anda**.

<u>**Syarat Perlindungan**</u>

1. Sebarang sekatan yang berkaitan dengan **Sewaan Peribadi** seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** ini dibatalkan apabila endorsmen ini berkuatkuasa.
2. Tiada pemulangan caruman dibenarkan untuk pembatalan endorsmen ini.
3. Tarikh mula dan tarikh luput endorsmen ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual.**

<u>**Takrif**</u>

1. **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** hendaklah merujuk kepada mana-mana pemandu yang didaftarkan dan dilesenkan dengan **APAD** dan / atau **CVLB** dan diberi kuasa oleh **Penyedia Perkhidmatan E-Hailing** untuk tujuan melaksanakan **Perkhidmatan E-Hailing** menggunakan **Kereta** ini dan dengan izin **Anda** untuk berbuat demikian.
2. **Kecederaan Anggota Badan** hendaklah merujuk kepada kecederaan anggota badan yang ditanggung akibat dari kemalangan secara langsung dan bebas dari semua sebab lain.
3. **CVLB** hendaklah merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan di Malaysia Timur untuk kenderaan perkhidmatan awam, iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.
4. **Aplikasi E-Hailing** adalah merujuk kepada aplikasi mudah alih elektronik yang disediakan oleh perniagaan pengantaraan.
5. **Perkhidmatan E-Hailing** merujuk kepada perniagaan yang sah seperti yang dilesenkan oleh **APAD** dan / atau **CVLB** yang membawa penumpang dalam **Kereta** persendirian untuk bayaran yang ditetapkan melalui **Aplikasi E-Hailing**. Penerangan mengenai **Perkhidmatan E-Hailing** dan **Sewaan Peribadi** adalah sinonim dan digunakan dalam konteks.
6. **Penumpang Berbayar** hendaklah merujuk kepada penumpang yang membayar tambang yang akan dibawa di dalam **Kereta** yang menggunakan panggilan **Perkhidmatan E-Hailing** bersama-sama dengan orang yang bersama mereka dalam perjalanan yang sama.
7. **Dalam Panggilan** merujuk kepada tempoh di antara titik log **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** masuk ke **Aplikasi E-Hailing**, sehingga:
   i. **Penumpang Berbayar** terakhir dalam perjalanan terakhir telah turun sepenuhnya atau turun dari **Kereta E-Hailing**, atau
   ii. apabila perjalanan terakhir di **Aplikasi E-Hailing** telah berakhir atau telah dibatalkan melalui **Aplikasi E-Hailing**, atau
   iii. apabila **Pemandu E-Hailing** keluar dari **Aplikasi E-Hailing** (iaitu **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** tidak lagi menyediakan khidmat **Sewaan Peribadi** atau tidak menawarkan perjalanan e-hailing

   mana-mana satu yang berlaku kemudian.
8. **Hilang Keseluruhan Upaya Kekal** merujuk kepada hilang upaya secara langsung dan bebas dari semua sebab lain dari **Kecederaan Anggota Badan** dan yang berlaku dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut, terdapat kebarangkalian menghalang sepenuhnya **Pemandu E-Hailing yang Dibenarkan** terlibat dalam apa-apa dan semua jenis pekerjaan sepanjang hidupnya dan tiada harapan untuk pulih.
9. **Sewaan Peribadi** hendaklah merujuk kepada lesen yang diberikan oleh **APAD** dan / atau **CVLB** yang membenarkan **Kereta** persendirian digunakan untuk perniagaan pengangkutan penumpang dengan bayaran di bawah **Perkhidmatan E-Hailing.**
10. **APAD** merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan untuk kenderaan perkhidmatan awam, iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat (juga dikenali sebagai Agensi Pengangkutan Awam Darat).

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

**Endorsmen 263: Pembaikan Percuma untuk Cermin Depan/Belakang dan Tingkap (Bukan Tarif)**

**Kami** bersetuju bahawa takaful yang disediakan di bawah **Sijil** ini akan melindungi kos untuk membaiki mana-mana kaca pada cermin depan/belakang, tingkap **Kereta Anda** yang retak dan/atau sumbing secara tidak sengaja dengan syarat cermin tersebut boleh dibaiki dan tertakluk kepada tiada tuntutan lain dibuat bagi **Kejadian** ini. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah **Endorsmen** ini adalah amaun yang disebut di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 263'.**

Untuk tuntutan yang dipersetujui oleh **Kami** di bawah **Endorsmen** ini, **Kami** akan memotong **Ekses** sebanyak RM50 daripada amaun yang disebut di dalam **Jadual Sijil**. Tuntutan ini tidak akan menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda.**

Manfaat ini adalah terhad kepada satu (1) tuntutan bagi setiap **Tempoh Perlindungan Takaful. Anda** hendaklah memberi kepada **Kami** resit asal untuk perbelanjaan yang ditanggung dan gambar-gambar cermin sebelum dibaiki. **Endorsmen** ini tidak melindungi penggantian cermin yang rosak dan kos laminasi/tinting filem.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

## MEMBUAT ADUAN ATAU BANTAHAN

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan mengenai amalan pasaran tidak adil oleh syarikat, **Anda** boleh menghubungi atau menulis kepada:

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 E-mel: callcentre@zurich.com.my

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Dahulu dikenali sebagai Financial Mediation Bureau)**
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2272 2811 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web www.ofs.org.my

**BNMLINK (Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)**
4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (LINK) E-mel: bnmlink@bnm.gov.my Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

**PENTING**

**Anda** hendaklah membaca **Sijil** ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Anda**, **Kami** perlu diberitahu dengan serta-merta dan **Sijil** dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web **Kami** www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Level 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
www.zurich.com.my